


**Jilid I
Bil. 71**



**Hari Selasa
25hb November, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
7877]**

**RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan
7902]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Jadual—

Kepala B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 7909]

Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 [Ruangan 7953]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1975 [Ruangan 7903]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1975 [Ruangan 7904]

Perintah Cukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1975 [Ruangan 7905]

Akta Eksais, 1961—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975 [Ruangan 7906]

KANDUNGANNYA—(*samb.*)

Ordinan Eksais Sabah No. 18 Tahun 1959—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975 [Ruangan 7906]

Ordinan Eksais Sarawak (Cap. 27)—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975 [Ruangan 7907]

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 7909]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 25hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- ” Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BEN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

Yang Berhormat TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).**
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).**
- „ **Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).**
- „ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).**
- „ **Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).**
- „ **Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ **Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**
- „ **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).**
- „ **Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ **Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**

Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

- " PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- " TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- " DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- " TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG B.K., A.D.K. (Tawau).
- " TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- " TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA A.D.K. (Kimanis).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- " TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).
- " TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENJAJA BUMIPUTRA DI BANDAR- BANDAR

1. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja Bumiputra berjaja di bandar-bandar; dan
- (b) samada Menteri sedar bahawa di Sungai Petani dan mungkin juga di tempat-tempat lain, peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja Bumiputra menghadapi kesulitan untuk mendapatkan tempat-tempat yang sesuai untuk menjual barang-barang mereka dan terpaksa menggunakan kaki-lima dan tepi-tepi jalan dengan ini menghalang lalu-lintas dan pemuatannya mereka dihalau oleh pihak Polis atau pihak Berkuasa Tempatan. Jika ya, nyatakan rancangan untuk menyediakan kawasan yang sesuai bagi peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) Rancangan Kerajaan dibuat melalui badan-badan yang tertentu umpamanya seperti MARA memberi pinjaman wang, mengadakan latihan dan tempat untuk menjalankan perniagaan; UDA, Perbadanan Kemajuan Negeri dan pihak Berkuasa Tempatan menyediakan tempat perniagaan sementara Perbadanan Jaminan Kredit pula menjadi penjamin/peminjam penjaja-penjaja, peniaga-peniaga kecil yang berkelayakan untuk memperoleh pinjaman daripada bank-bank tanpa cagaran.

Berkenaan soalan (b) saya tidak sedar mengenai wujudnya perkara itu di kawasan Majlis Bandaran Sungai Petani tetapi secara

umumnya Kementerian saya sedar bahawa masalah tempat merupakan satu perkara yang sedang dihadapi oleh para penjaja dan peniaga kecil di dalam negara ini. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras Penjaja dan Peniaga kecil bumiputra peringkat nasional telah ditubuhkan di Kementerian saya untuk menyelaraskan dan mengkaji masalah yang dihadapi oleh mereka. Oleh kerana Kerajaan-kerajaan Negeri adalah terlibat secara langsung dalam soal menyediakan tempat-tempat berniaga yang sesuai Kementerian saya juga telah meminta kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat negeri supaya dapat bersama-sama mengkaji masalah-masalah yang berbangkit serta dapat mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

PENGUJI LESEN PEMANDU

2. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar tentang adanya rasa tidak puas hati di kalangan Penguji-penguji Lesen Pemandu di seluruh negara akibat daripada kedudukan jawatan mereka yang tidak tetap dan tidak berpencen sedangkan tugas-tugas mereka adalah begitu teruk dan tidak memadai dengan sekim perkhidmatan yang ada, dan jika ya, bilakah Kerajaan akan menetapkan jawatan itu sebagai tetap dan berpencen; kalau tidak apakah kemudahan-kemudahan lain yang akan diberikan kepada Penguji-penguji Lesen Pemandu itu agar mereka tidak tertarek dengan apa jua amalan rasuah.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang adanya sungutan dan rasa tidak puashati di kalangan setengah-setengah Penguji-penguji Driver disebabkan kedudukan jawatan mereka bukan jawatan tetap dan berpencen. Walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa keadaan ini telah menyebabkan Penguji-penguji Driver tertarik dengan apa jua amalan rasuah. Tugas Penguji-penguji Driver adalah semata-mata menguji driver dan menyediakan rekod-rekod bersangkut dengan ujian itu. Oleh yang demikian, tidaklah betul jika dikatakan bahawa kerja dan tugas yang dijalankan oleh Penguji Driver itu tidak betul. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat sungguhpun jawatan Penguji Driver ini tidak tetap dan tidak berpcencc dari segi tanggagaji Penguji-penguji Driver yang dibayar sebanyak \$600 adalah jauh lebih tinggi, dari tanggagaji jawatan-jawatan Kerajaan yang lain yang tetap dan berpcencc dan berkehendakkan kelayakan yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kelayakan akademik seorang Penguji Driver ialah kelulusan S.R.P. sahaja. Selain daripada itu, mereka juga mendapat kemudahan-kemudahan lain seperti kemudahan hospital dan lain-lain kemudahan serupa dengan di-beri kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang lain.

Saya tidak menafikan bahawa ada aduan-aduan diterima mengatakan bahawa ada setengah-setengah Penguji Driver yang mengamalkan rasuah. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa kejadian rasuah dan sebagainya lagi kejadian-kejadian curang boleh berlaku pada sesiapa sahaja dan di mana-mana jua tidak kira samada gaji kecil ataupun besar dan samada jenis pendapatan mereka tetap ataupun sebaliknya. Pokok pangkalnya terletak pada hati seseorang itu sendiri samada dia seorang yang jujur ataupun tidak jujur. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa Kementerian saya menganggap sepi sahaja aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai mengenai rasuah atau sebagainya yang dilakukan oleh Penguji-penguji Driver ini. Berhubung dengan masalah rasuah dan kecurangan yang dikatakan itu saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa soalan ini telah berkali-kali dikemukakan di Dewan ini dan juga di Dewan Negara di mana saya menyatakan bahawa masalah ini berkehendakkan kerjasama yang erat dari semu pihak memberi maklumat-maklumat yang konkrit supaya tindakan dapat diambil ke atas mereka yang berkelakuan curang itu. Tidakkah memadai sekiranya seseorang itu memberi pengaduan secara umum sahaja.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mereka yang menjadi Penguji Driver ini tidak dibenarkan untuk menubuhkan Kesatuan mereka sendiri, dan kalau tidak, mengapa?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya larangan itu tidak ada, dan kalau tidak salah saya, pada satu masa yang lampau sudah ada Kesatuan Penguji-penguji Driver.

QANTAS—PERISTIWA MENGHINA PELAJAR MALAYSIA

3. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang peristiwa di mana kakitangan QANTAS telah menghina pelajar-pelajar kita yang di dalam perjalanan untuk melanjutkan pelajaran mereka di London di lapangan terbang antarabangsa pada 30hb Ogos, 1975 baru-baru ini, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah Kementerian beliau telah mengambil supaya rakyat kita tidak akan dihina atau dipandang rendah oleh syarikat-syarikat asing seperti Syarikat QANTAS ini di masa hadapan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada menerima apa-apa aduan berhubung dengan peristiwa yang dikatakan berlaku pada 30hb Ogos, 1975 di Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuala Lumpur, di mana kononnya kakitangan QANTAS telah menghina pelajar-pelajar kita.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberi butir-butir lanjut mengenai kejadian tersebut itu Kementerian saya sedia menyiasat atas hal ini.

LAPURAN PENGANGKUTAN METROPOLITAN MENGENAI LALU-LINTAS BANDARAYA

4. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada Kerajaan akan melancarkan Laporan Pengangkutan Metropolitan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandaraya;
- (b) jumlah wang yang dibelanjakan untuk projek tersebut; dan
- (c) berapa banyak wang dibayar kepada perunding kerana perkhidmatan mereka merangka pelan itu.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah menerima secara prinsip syor-syor Kajian Dasar dan Perancangan Pengangkutan Perbandaran Kuala Lumpur (Urban Transport Policy and Planning Study for Metropolitan Kuala Lumpur) yang telah dikemukakan pada bulan April tahun lalu. Seterusnya sebuah Syarikat Perunding telah dilantik untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan teliti syor-syor bagi perlaksanaan segera yang terkandung dalam kajian itu. Perunding-perunding tersebut telah baru-baru ini menyediakan laporan-laporan mereka yang sekarang ditaksirkan oleh Kerajaan. Beberapa syor berkenaan dengan pembinaan dan pembaikan jalan-jalan diharap akan dapat dilaksanakan pada awal tahun hadapan. Bagaimanapun, syor-syor untuk membaiki perkhidmatan pengangkutan awam dengan mengadakan mini bas dan menambahkan lagi lesen-lesen teksi telahpun dilaksanakan.
- (b) Syor-syor kajian yang saya sebutkan tadi jika dilaksanakan dengan sepenuhnya akan memakan belanja sebanyak lebih kurang \$1,042.34 juta dalam tempoh 1975 hingga 1990. Bank Dunia akan diminta untuk memberi bantuan teknik dan kewangan.
- (c) Perbelanjaan untuk kajian ini ialah \$1,076,856. Ini telah dibayar oleh International Bank for Reconstruction and Development.

PELADANG-PELADANG MENDAPATKAN PASARAN TERJAMIN

5. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk menubuhkan sebuah kumpulanwang insentif pasaran untuk memberikan peladang-peladang satu pasaran yang terjamin bagi hasil mereka dan dengan yang demikian dapat menolong Malaysia mengurangkan impot makanan dan menyimpan tukaran luar.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya buat masa ini belum ada.

KEMAHIRAN TEKNOLOJI OLEH PELABUR ASING

6. Tuan Mohd. Zahari bin Awang (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kemahiran teknologi yang telah dicurahkan oleh pelabur-pelabur asing di negara ini kepada rakyat Malaysia dengan menyatakan bidang-bidang teknologi yang dahulunya dikendalikan oleh orang-orang asing tetapi sekarang ini telah diambil alih oleh rakyat-rakyat Malaysia dan berikan contoh syarikat-syarikat tersebut.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menentukan sejauh manakah kemahiran teknologi telah dipindahkan oleh pelabur-pelabur asing ke negara ini kepada rakyat Malaysia oleh kerana bidang teknologi tersebut adalah sangat luas di mana termasuk di dalamnya teknologi-teknologi di dalam berbagai bidang seperti dalam bidang tekstail, industri yang berasaskan kayu-kayan, industri kimia, industri makanan, elektronik dan lain-lain. Walau bagaimanapun, Kementerian saya mempunyai polisi yang tegas terhadap pemindahan teknologi ini kepada warganegara di mana semua perjanjian-perjanjian mengenai pengetahuan teknikal hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian saya sebelum ditandatangani. Ini ialah untuk memastikan agar pengetahuan teknologi dan expertise yang terkandung di dalam perjanjian-perjanjian itu akhirnya akan dipindahkan kepada rakyat negara ini. Di samping itu menerusi perjanjian dan dasar Malaysianisasi, Kementerian saya bertujuan agar rakyat negara ini akan akhirnya nanti mengambil alih jawatan-jawatan penting yang dipegang oleh pegawai-pegawai asing. Juga menerusi perjanjian ini, Kementerian saya memastikan latihan-latihan teknikal diberi kepada warganegara untuk menjamin matlamat pemindahan teknologi ini lebih cepat tercapai.

MISSI PERDAGANGAN MALAYSIA KE EROPAH TIMUR

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan secara detail hasil yang diperolehi oleh Malaysia selepas lawatan beliau ke Negara-negara di Eropah Timur.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada lawatan misi perdagangan Malaysia baru-baru ini, hubungan-hubungan yang berfaedah telah dijalin dengan organisasi-organisasi Kerajaan di negara-negara Sosialis Eropah Timur khususnya Kementerian Perdagangan Luar, Dewan-dewan Perniagaan dan Ekonomi, Organisasi Perdagangan Luar, Peniaga-peniaga yang bertanggungjawab secara langsung dalam eksport dan import dan lain-lain ejensi perdagangan. Hubungan perdagangan dan ekonomi Malaysia dengan negara-negara ini adalah baru dan lawatan rombongan tersebut berjaya meletakkan asas dan membuka jalan merapat dan melanjutkan hubungan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Dari segi jualan-jualan yang telah dibuat, rombongan ini telah menghasilkan kontrek jualan nenas dalam tin bernilai \$1.8 juta dan penilaian pasaran untuk masa depan adalah dianggarkan sebanyak \$8 juta setahun. Bagi keluaran-keluaran yang lain seperti minyak kelapa sawit, kopi, koko dan lada hitam, walaupun kontrek-kontrek serta-merta tidak dibuat tetapi hubungan awal telah dijalin dan apa yang perlu ialah tindakan susulan oleh pengeluar-pengeluar dari negara kita dengan negara-negara tersebut. Berhubung dengan getah asli, beberapa buah negara iaitu Republik Jerman, Czechoslovakia, Bulgaria dan Yugoslavia memang sedang menggunakan getah teknik tertentu seperti S.M.R., getah tayar, dan telahpun diimport ke setengah-setengah negara ini. Bahan ini mempunyai harapan yang baik untuk mendapat pasaran di semua negara-negara tersebut berdasarkan kontrek jangka panjang.

Di bidang pelaburan, hasil daripada perbincangan-perbincangan yang diadakan ternyata "scope" yang boleh didapati ialah di dalam industri-industri yang berasaskan tanah liat, gelas dan barang-barang daripada gelas untuk perhiasan dan di dalam industri-industri elektronik seperti membuat "capacitors". Walaupun kemungkinan untuk mewujudkan usaha-usaha dalam bentuk penyertaan equiti tidaklah begitu menggalakkan tetapi penjualan perkakas dan jentera-jentera serta mengeksport pengetahuan teknik dan kemahiran adalah terjamin.

Rombongan perdagangan ke Eropah Timur dengan jelas menandakan perlunya diadakan lebih banyak perdagangan secara

langsung di antara kedua-dua pihak untuk faedah bersama dan memberikan peluang terbaik kepada ahli-ahli rombongan untuk mengkaji secara lebih dekat corak dan amalan-amalan perdagangan, rancangan-rancangan import, aturcara-aturcara dan keutamaan-keutamaan yang terdapat dalam ekonomi berbentuk perancangan pusat (centrally planned economies). Pengetahuan dan maklumat yang diperolehi sudah tentu akan memberikan kedudukan yang tegoh untuk mengendalikan hubungan perdagangan dengan negara-negara itu di masa depan.

PEKERJA-PEKERJA MASUK KESATUAN SEKERJA

8. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa sebilangan besar dari majikan tiada menerangkan kepada pekerja-pekerjanya tentang hak mereka memasuki Kesatuan Sekerja, dan jika ya, samada Kementerian dapat mengambil tindakan supaya perkara ini dijadikan satu syarat kepada majikan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, keahlian Kesatuan Sekerja di negara ini adalah berdasarkan kepada sistem demokrasi dan badan sukarela. Maka terpulanglah kepada pekerja-pekerja sendiri untuk mengatur diri mereka dalam sebuah Kesatuan Sekerja atau memasuki mana-mana Kesatuan Sekerja yang sejajar dengan kehendak undang-undang. Yang demikian tidaklah perlu diwajibkan majikan-majikan memberi penerangan kepada pekerja-pekerjanya akan hak mereka memasuki kesatuan sekerja. Sekiranya ada pihak pekerja yang berkehendakkan panduan mengenai perkara ini, Kementerian saya adalah sedia memberi nasihat yang diperlukan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan mengatakan bahawa perkara yang saya sebutkan tadi ialah satu perkara yang biasa, berdasarkan kepada demokrasi. Beliau juga mengatakan bahawa jika pekerja-pekerja hendak mendapatkan satu-satu panduan, maka bolehlah Menteriannya memberi tunjuk ajar dan nasihat. Soalan saya, ialah pekerja-pekerja adalah dari golongan orang-orang yang tidak

berpelajaran, yang tidak mengetahui serba-serbi. Jadi, bukanlah menjadi tugas Kementerian yang berkenaan untuk menyampaikan kepada pekerja-pekerja perkara yang saya nyatakan itu supaya dapat diketahui oleh pekerja-pekerja sendiri?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, memasuki kesatuan sekerja adalah hak pekerja-pekerja dan di dalam jawapan saya ada menerangkan bahawa kalau ada pekerja-pekerja yang hendak mendapatkan panduan atau keterangan atas hak mereka Kementerian saya sentiasa boleh menerangkan panduan itu.

PENCEMARAN UDARA

9. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar kenderaan-kenderaan dan kilang-kilang memancar asap yang kotor telah mengotorkan alam sekitar dan udara kawasan Wilayah Persekutuan, jika ya, apakah langkah yang beliau akan ambil supaya memperbaiki keadaan buruk ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedar tentang masalah yang disebabkan oleh kenderaan-kenderaan dan kilang-kilang di mana pelepasan asap dari kenderaan-kenderaan dan kilang-kilang tersebut telah mencemar alam sekitar dan udara di sekeliling Wilayah Persekutuan. Buat masa ini Kementerian saya sedang meneliti masalah ini dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan dan satu rancangan sedang dibuat bagi mengawal kadar kenaikan pencemaran udara itu. Walau bagaimanapun, program ini tidak dapat dilaksanakan sekarang oleh kerana ketiadaan kakitangan di Bahagian ini. Bersangkut dengan hal ini saya juga ingin menyatakan bahawa pengambilan pegawai-pegawai berkecukupan dan terlatih di dalam Bahagian Alam Sekitar adalah jauh daripada mencukupi dan oleh kerana itu kami tidak mempunyai kakitangan yang diperlukan untuk melaksanakan Akta Kualiti Alam Sekitar dengan cara yang komprehensif sebagaimana yang dikehendaki.

PEKEBUN-PEKEBUN KECIL KELAPA

10. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan apa langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu pekebun-pekebun kecil kelapa yang sedang menghadapi kejatuhan harga, dan samada ada apa-apa rancangan hendak menubuhkan suatu skim pemasaran bersama ASEAN untuk memperbaiki kualiti minyak kelapa dan kelapa kering bagi membolehkan mereka mendapat harga yang baik.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan di dalam Dewan ini pada bulan Julai, 1975, kejatuhan harga kelapa kering yang berlaku sekarang ini adalah disebabkan kejatuhan harga-harga kelapa kering dan minyak kelapa di pasaran antarabangsa. Pengeluaran kelapa kering dan minyak kelapa Malaysia merupakan 3% sahaja daripada jumlah pengeluaran kelapa kering dan minyak kelapa sedunia. Oleh yang demikian, Malaysia tidak dapat mempengaruhi harga-harga kelapa kering dan minyak kelapa di pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, FAMA telahpun menjalankan beberapa ikhtiar untuk mengatasi masalah ini termasuk:

- (i) Melaksanakan satu rancangan kawasan pemasaran kelapa di mana semua orang-orang tengah yang terlibat di dalam pembelian kelapa dan kelapa kering daripada petani-petani dikenakan lesen untuk menentukan petani-petani mendapat layanan yang adil daripada mereka;
- (ii) FAMA juga melibatkan diri di dalam jual-beli kelapa dan kelapa kering melalui projek perniagaan. Kegiatan FAMA di dalam menjual-beli kelapa dan juga kelapa kering telah menambatkan persaingan di peringkat ladang dan menentukan petani-petani mendapat harga yang berpatutan bagi kelapa dan kelapa kering mereka mengikut keadaan pasaran pada satu-satu masa;
- (iii) FAMA sedang juga mendirikan pusat-pusat memproses kelapa kering di kawasan-kawasan pengeluaran kelapa terutama dalam negeri ini melalui pusat-pusat memproses kelapa kering

ini FAMA membeli kelapa dari petani-petani untuk dijadikan kelapa kering yang bermutu tinggi untuk dijual kepada kilang-kilang; dan

- (iv) FAMA juga sedang merancang untuk mendirikan kilang minyak kelapanya sendiri di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan juga di Sarawak untuk menentukan ruang-ruang pasaran yang cukup bagi kelapa kering yang diberi daripada pekebun-pekebun kecil.

Selain daripada itu, Kementerian saya membantu pekebun-pekebun kecil kelapa menanam tanaman-tanaman selingan seperti koko, kopi, pisang dan sebagainya dan juga pemeliharaan ternakan untuk menambahkan lagi pendapatan petani-petani supaya tidak bergantung semata-mata kepada hasil kelapa sahaja dan setakat ini ASEAN belum lagi ada rancangan untuk menubuhkan satu scheme pasaran seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

KOLEJ KAKITANGAN (STAFF TRAINING COLLEGE) DI SARAWAK

11. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk menubuhkan sebuah kolej kakitangan di Sarawak untuk memberikan latihan lanjut kepada guru-guru yang berpengalaman sebagai suatu insentif kepada mereka untuk memperbaiki dan memperdalamkan pengetahuan akademi dan iktisas mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, cadangan bagi menubuhkan sebuah Kolej Kakitangan (Staff Training College) untuk pensyarah-pensyarah bagi latihan guru buat pertama kalinya di Malaysia adalah masih di dalam rancangan. Dalam hubungan ini Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pelajaran telah memasukkan cadangan penubuhan kolej itu dalam permintaannya di bawah "Cadangan Bagi Perbelanjaan Pembangunan," Rancangan Malaysia Ketiga.

Penubuhan Kolej Kakitangan berkehendakan pakar-pakar dalam bidang latihan perguruan yang sukar didapati di negara kita. Oleh sebab itu, kita tidak dapat mengadakan tiga kolej seperti ini serentak. Sebaliknya

keperluan pensyarah-pensyarah bagi maktab perguruan tidaklah begitu mendesak sehingga memerlukan adanya tiga buah kolej kakitangan. Adalah dipercayai dengan adanya satu kolej kakitangan di Semenanjung Malaysia, kita dapat melatih pensyarah-pensyarah untuk keperluan Sarawak dan Sabah. Jika pada kemudian harinya didapati kolej yang dirancangkan ini tidak mampu menampung semua keperluan negara kita, maka dapatlah kita menimbangkan kemungkinan mengadakan pusat-pusat lain dan kita boleh menemptkannya di Sarawak atau di Sabah mengikut "criteria" yang akan ditentukan kemudian.

PENJENAYAH-PENJENAYAH TERLEPAS DARI HUKUMAN

12. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan bilangan penjenayah-penjenayah yang terlepas dari hukuman Mahkamah kerana kesilapan teknik dalam proses pembicaraan atau kerana kelemahan pihak pendakwa dalam mengemukakan bukti-bukti yang jelas serta hujjah yang tepat atas sebarang dakwaan. Jika benar terdapat kes-kes seumpama itu, apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya menjamin semua penjenayah akan menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, ada satu dua kes di mana orang-orang yang dituduh telah dibebaskan oleh kerana perkara-perkara teknikal atau pendakwaan yang kurang baik tetapi perangkaan tidak ada disimpan mengenai kes-kes itu. Rekod ada disimpan mengenai pembebasan dan sabitan tetapi tidak mengenai sebab-sebabnya. Apabila kes-kes seperti itu berlaku kebanyakannya ia dibawa di dalam mahkamah-mahkamah rendah sahaja. Bagaimanapun, tiap-tiap pembebasan dibawa kepada perhatian Timbalan Pendakwa Raya yang berkenaan yang akan memutuskan samada hendak merayu atau tidak dan saya suka menyatakan yang pembebasan kerana perkara-perkara teknikal telah diakaskan atau dibalikkan atas rayuan oleh Mahkamah Tinggi di mana tidak akan mengakibatkan salahnya keadilan dengan membenarkan rayuan itu.

Ada juga satu dua kes kecil di mana orang-orang yang dituduh telah dibebaskan kerana pendakwaan yang kurang baik di pihak pegawai-pegawai polis yang tidak atau kurang berpengalaman tetapi kes-kes yang lebih berat adalah dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya atau pegawai-pegawai polis yang banyak pengalaman. Bagaimanapun ada kekurangan Timbalan Pendakwa Raya pada masa ini dan juga pegawai-pegawai polis yang cekap atau yang cukup berpengalaman. Pegawai-pegawai pendakwa adalah juga dihantar untuk mendapat latihan di Maktab Polis di Kuala Kubu Bharu untuk membolehkan mereka itu supaya lebih cekap lagi dalam menjalankan tugas-tugas mereka itu.

Berkenaan dengan hukuman-hukuman, keputusan kes-kes adalah dibawa kepada perhatian Timbalan Pendakwa Raya Negeri dan beliau membuat rayuan dalam kes-kes itu jika hukuman itu difikirkan tidak mencukupi atau terlampau rendah. Pendakwa Raya telah berjaya dalam kebanyakan kes-kes yang dirayukan itu dan selalunya dalam ulang bicara Mahkamah Tinggi menambah lagi beratnya hukuman-hukuman itu.

ROMBONGAN KEBUDAYAAN KELUAR NEGERI DALAM BULAN PUASA

13. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau sedar bahawa dengan menghantar beberapa orang ahli kebudayaan keluar negeri dalam bulan Ramadhan ini boleh bermakna bahawa Malaysia tidak menghormati bulan yang mulia ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang menyedari dan menghormati bulan Ramadhan sebagai satu bulan yang mulia. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya tidak menggalakkan apa juga pertunjukan atau persembahan kesenian dalam bulan tersebut. Jika terdapat sesuatu misi kebudayaan yang dihantar ke luar negeri pada bulan puasa maka itu hanyalah berupa satu kebetulan sahaja dan tidak bermakna bahawa negara kita tidak menghormati bulan Ramadhan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah lawatan keluar negeri yang berhubung dengan penyertaan Malaysia dalam satu pesta tarian rakyat antarabangsa yang telah diadakan di Seoul, Korea Selatan mulai 8hb September, 1975. Kebetulan tarikh tersebut terkena dalam bulan puasa. Sungguhpun begitu sukalah saya menjelaskan bahawa rancangan mengadakan pesta tersebut adalah di bawah anjuran Kerajaan yang berkenaan dan segala aturcara serta tarikh pesta tersebut adalah disusun oleh pihak penganjur. Penglibatan kita bukan sahaja berdasarkan perhubungan antarabangsa bahkan juga mengekalkan imej dan identiti negara kita.

PERUSAHAAN BATEK

14. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan samada MARA terikat dengan perusahaan bateknya sendiri. Jika ya, tidakkah ini suatu penghalang kepada peluang-peluang bumiputra yang lain di dalam perusahaan tersebut.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, MARA ada menjalankan perusahaan-perusahaan membatek, melalui 4 buah syarikat yang mana pada tahun 1974 syarikat-syarikat itu telah disatukan menjadi satu syarikat yang diberi nama Syarikat Batek Malaysia Berhad. Di antara aktiviti-aktiviti syarikat ini ialah membekalkan kain-kain putih secara borong daripada luar dan dalam negeri kepada pembatek-pembatek di Pantai Timur. Syarikat ini juga membeli kain-kain batek daripada pembatek-pembatek secara borongan dan menjualkannya kepada peniaga-peniaga tempatan dan seberang laut.

Keduanya, syarikat ini juga menjalankan perusahaan membuat pakaian seperti baju kemeja batek, tali leher, topi dan beg batik serta juga mengeluarkan batek-batek gulung, kain tudung, alas meja, kain langsir, cadar dan "T Shirt" yang dibuat daripada batek.

Syarikat ini juga menjalankan perniagaan retail yang melibatkan barang-barang keluaran syarikat MARA sendiri dan juga pengusaha-pengusaha batek di Pantai Timur.

Bukan sahaja syarikat ini menjalankan usaha memasarkan barang-barang buatan batek malahan juga kraftangan lain seperti songket, barang-barang perak, mengkuang atau pandan yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha di seluruh negara terutamanya di Pantai Timur juga dijalankan!

Di samping itu MARA telah menukukkan Lembaga Kraftangan Malaysia yang bertujuan untuk membangunkan kemahiran dan seni kraftangan tradisi serta mengembangkan perusahaannya. Lembaga ini menjalankan penyelidekan-penyelidekan mengenai perusahaan-perusahaan tradisi termasuk pembatekan untuk memperbaiki dan memodenkan lagi perusahaan membatek ini.

Di antara 5 pusat Lembaga ini, 2 daripadanya iaitu di Kuala Trengganu dan di Kota Bharu menjalankan penyelidekan-penyelidekan berkenaan dengan pembatekan. Lembaga memberi nasihat dalam segi design, reka bentuk, dye dan jenis kain kepada pengusaha-pengusaha melalui "Extension Service"nya yang terdapat di sana. Di samping itu pengusaha-pengusaha adalah juga dibenarkan menggunakan alat-alat Lembaga di pusat-pusatnya (dengan bayaran nominal) atau kecil sahaja untuk perusahaan-perusahaan batek tempatan.

Oleh itu, adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa MARA menjadi penghalang kepada peluang-peluang Bumiputra di dalam lapangan pembatekan ini. Malahan MARA adalah memberi kemajuan kepada pembatek-pembatek tempatan melalui aktiviti penyelidikan, nasihat dan pemasaran kepada pembatek-pembatek dan juga perusahaan-perusahaan tradisi Bumiputra yang lain.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan pihak MARA berusaha memasarkan batek ini keluar negeri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan kenapa pasar batek keluar negeri ini tidak lancar ataupun tidak maju sebagaimana yang diusahakan pada mulanya oleh MARA sendiri.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, dari segi maju itu satu tekaan relative. Adakah pada ketika ini mengikut

Ahli Yang Berhormat Batek Malaysia ini tidak lagi dapat dijual ke luar negeri. Itu saya hendak minta fahaman dahulu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tidak kata tidak dijual, tetapi kurang laris.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Kalau begitu maksudnya, masalah batek ini kadang-kadang mengikut kepada kehendak pengguna-pengguna sendiri. Ada kalanya sepanjang masa orang hendak memakai batek dan ada kalanya tidak. Jadi, ini mengikut kepada kehendak peribadi masing-masing. Tetapi namun demikian walaupun ada unsur ini dari segi Batek Malaysia dan juga dari segi MARA sendiri, usaha memang dijalankan daripada masa ke masa untuk memasarkan batek keluaran Malaysia ini dengan sebaik-baiknya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Musim sejuk (winter) sahaja orang Eropah tidak memakai batek. Ada soalan tambahan lagi?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan yang di-Pertua. Adakah benar cakap-cakap ataupun kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan baik daripada pihak MARA sendiri ataupun daripada pihak pengusaha batek yang mengatakan mutu Batek Malaysia kita sekarang ini tidak tetap dan lebih rendah mutunya daripada masa dahulu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan. Dengar daripada orang bercakap-cakap sahaja tidak boleh. Kalau ada dan tepat boleh.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini mengikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pasaran batek itu ada turun dan naik mengikut permintaan daripada pihak pelanggan. Jadi soalan tambahan saya adakah benar mutu batek Malaysia ini lebih rendah daripada mutu pada masa pelancaran kempen pemasaran batek yang dilancarkan oleh MARA dahulu?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, daripada manakah Ahli Yang Berhormat itu mendapat kenyataan bahawa batek yang kita keluarkan itu rendah mutunya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan jawapan. (*Ketawa*).

Datuk Mohamed bin Rahmat: Misalnya, kenyataan yang dibuat oleh beliau itu mengatakan batek Malaysia ini rendah mutunya. Jadi saya hendak mendapat tahu di mana kenyataan seperti itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri jawapan dengan mengatakan tidak sedar sahaja kepada perkara itu (*Ketawa*). Itu jawapannya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Hanya beliau menyatakan cara lain sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak tahu bahawa batek Malaysia itu sudah turun mutunya (*Ketawa*).

MAS—PENGEMBALIAN HARGA TIKET

15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) sebabnya satu teket Syarikat MAS yang dibeli di Kota Bharu untuk penerbangan dari Pulau Pinang ke Bangkok, tidak dapat diterima oleh pegawai/kakitangan MAS di Pulau Pinang dan atas nasihatnya terpaksa dibeli satu teket lain lagi di sana untuk membolehkan seorang pelajar itu meneruskan penerbangannya ke Bangkok; dan
- (b) tempoh seawal-awalnya wang harga teket yang tak laku itu dapat dibayar balek setelah teket itu diserahkan di Pejabat MAS, Kuala Lumpur.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Biasanya, semua teket MAS akan diterima untuk penerbangan bagi sektor-sektor yang ditetapkan tidak kira di mana teket itu dibeli. Jadi, untuk penyiasatan sebab-sebab tiket tersebut tidak diterima, Kementerian saya memerlukan butir-butir yang lebih lanjut.
- (b) Biasanya pengembalian wang harga tiket akan mengambil masa selama dua puluh minit oleh sebab-sebab aturan-aturan akaun yang perlu diikuti. Ini adalah dengan syarat jumlah yang menuntut besar, pengembalian wang harga

tiket akan dibayar dengan cek. Ini akan mengambil masa, secepat-cepatnya satu minggu, selepas tuntutan dibuat, oleh sebab aturan-aturan akaun yang terpaksa dipatuhi dan kadang-kala oleh sebab kelambatan pos.

PENYELUDUPAN DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI

16. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang penyeludupan besar-besaran yang ujud di sempadan Malaysia/Thai di mana Kerajaan mengalami kerugian yang besar akibat kekurangan alat-alat moden untuk mengawal lalulintas atau kekurangan kakitangan yang terlatih serta pakar.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kegiatan penyeludupan berlaku di sempadan Malaysia/Thai. Barang-barang yang lazimnya diseludup buat dewasa ini adalah beras daripada Thai kerana harga bagi barang tersebut adalah lebih rendah berbanding di Malaysia. Kegiatan penyeludupan ini bukan saja dilakukan oleh penumpang-penumpang keretapi di antara Sungai Golok dan Pasir Mas, bahkan oleh penyeludup-penyeludup dengan cara menyeberang Sungai Golok di Kelantan di tempat-tempat yang mana airnya cetek. Beras diseludup ke sempadan Kedah menerusi jalan-jalan hutan, sungai-sungai dan laut. Oleh sebab tiada duti impot ke atas beras buat masa ini, maka tiada apa-apa kehilangan hasil yang disebabkan oleh penyeludupan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan memandang berat ke atas kegiatan tersebut kerana ianya akan membawa kerugian pendapatan petani-petani negara ini. Selain daripada beras, kain merupakan barang-barang lain yang juga lazim diseludup tetapi kuantitinya tidak banyak.

Jabatan Kastam bekerja rapat dengan Lembaga Padi Negara, Polis dan Angkatan Tentera agar kerjasama mereka dapat menghapus kegiatan penyeludupan beras itu seberapa jauh yang boleh. Beberapa tangkapan telahpun dibuat dan ajensi-ajensi yang dimaksudkan ini akan terus menguatkan lagi kebolehan mereka demi mengurangkan penyeludupan ini. Jabatan Kastam telahpun dibekalkan dengan alat-alat moden termasuk

lanci-lanci laju dan kereta-kereta, begitu juga diberi latihan dan kemudahan-kemudahan komunikasi dan penggunaan helikopter dalam usaha-usaha mencegah penyeludupan. Pegawai-pegawai Kastam adalah diberi kuasa mengadakan sekatan jalan bagi memeriksa kegiatan-kegiatan penyeludupan. Tambahan mereka juga diberi latihan mengenai kerja-kerja pencegahan di dalam dan juga di luar negeri. Misalnya, baru-baru ini empat orang pakar dadah daripada U.S.A. telah dijemput ke Malaysia melatih pegawai-pegawai Kastam tentang cara-cara mengenai dadah dan menyiasat kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah. Dalam keadaan ini, Jabatan Kastam yang mendapat alat moden dan latihan serta kerjasama dari agensi-agensi lain, akan cuba sedaya-upaya bagi mengawal penyeludupan. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa sempadan Malaysia/Thai memang merupakan satu masalah kepada Jabatan ini disebabkan keadaannya yang luas dan sukar.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar pihak Jabatan Kastam ini ada menerima ugutan daripada pihak penyeludup untuk mengancam nyawa pegawai kastam yang berkawal di sempadan. Kalau benar, apakah tindakan yang telah diambil setakat ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan penyeludup ini adalah benar merebak di kawasan itu dan ada juga pihak yang mengancam pegawai kastam. Penyeludupan itu satu aktiviti yang susah hendak diambil, tetapi seperti mana saya terangkan tadi Jabatan Kastam dengan kerjasama pihak Polis dan Angkatan Tentera akan mengambil langkah yang tertentu supaya menghapuskan aktiviti tersebut setakat mana yang boleh.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa selain daripada penyeludupan beras yang dimasukkan daripada Thailand ada banyak penyeludupan getah yang keluar daripada Kelantan pergi ke Thailand. Oleh yang demikian, kebanyakan kehilangan hasil yang dikatakan tadi sebab beras tidak dikenakan cukai, tetapi getah ada dikenakan cukai eksport. Kalau sedar apakah langkah Kementerian akan ambil untuk mengatasi masalah ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain. Soalan asal satu hala. Soalan itu dua hala. Soalan Yang Berhormat itu berkehendakkan notis.

Tuan Lew Sip Hon: Perkara penyeludupan di sempadan ini keluar dan masuk (*Ketawa*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Betul, keluar dan masuk, tetapi dicerita yang masuk sahaja.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri berkenaan bahawa memandangkan untuk menjaga keselamatan jiwa Pegawai-pegawai Kastam di tempat-tempat pemeriksaan kita terutama di Sempadan antara Thailand dan Malaysia dan sebagainya, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mendapat kerjasama pihak Polis atau Tentera supaya Pasukan Polis atau Tentera itu di tempat-tempat pemeriksaan itu, kerana memandang keadaan yang ada pada hari ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tak payah dijawab, kerana Yang Berhormat Menteri sudah dua kali menjawab tadi mengenai kerjasama daripada Polis dan Tentera itu.

PERUSAHAAN PERKILANGAN

17. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada kemelesetan ekonomi telah menjejaskan dengan seriusnya kemasukan pelaburan-pelaburan baru ke dalam perusahaan-perusahaan pengilangan dan memberi angka-angka relatif pelaburan modal di syarikat-syarikat baru untuk lima tahun yang lepas.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kesan kemelesetan ekonomi ke atas Malaysia yang mempunyai ekonomi terbuka, tidaklah dapat dielakkan dan ini telah mula dirasakan pada suku tahun 1974. Ini telah menyebabkan di antara lain kejatuhan jumlah modal baru dalam perusahaan-perusahaan perkilangan. Oleh itu, jika sejumlah 407 projek-projek baru telah diluluskan di antara bulan Januari hingga Oktober 1974, angka ini telah jatuh menjadi 356 dalam jangka masa yang sama tahun ini yang melambangkan kejatuhan sebanyak 12.5%.

Dari segi pelaburan modal, dalam 10 bulan pertama tahun lalu, pelaburan modal dalam projek-projek baru diluluskan berjumlah \$592.5 juta berbanding dengan \$498.7 juta dalam jangka masa yang sama tahun ini. Dengan ini, peratusan kejatuhan pelaburan modal baru ialah 15.8%.

Pelaburan modal dalam projek-projek yang diluluskan dalam masa 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

1970	...	...	...	\$454 juta
1971	...	...	...	\$563 juta
1972	...	...	...	\$358 juta
1973	...	...	...	\$545 juta
1974	...	...	...	\$759 juta
1975 (Hingga Oktober)	...	...	...	\$499 juta

HOSPITAL UMUM, SIBU

18. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada tapak telah diuntukkan bagi Hospital Besar yang baru di Sibu; jika ya, samada projek ini boleh dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mencari tapak yang sesuai bagi Hospital Umum, Sibu. Ini diharap akan selesai dalam sedikit masa lagi. Kementerian saya sudah ada wang untuk membeli tapak tanah. Cadangan untuk membina hospital baru di Sibu untuk mengganti hospital yang ada sekarang telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

HARGA BARANG-BARANG EKSPOT UTAMA

19. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan perbelanjaan ulangan memandang hasil pendapatan kita sedang berkurangan oleh kerana turunnya harga barang-barang eksport utama kita seperti getah, bijih, balak dan kelapa sawit, dan apakah langkah-langkah selanjutnya yang telah diambil untuk menentukan supaya semua Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, dan separa Kerajaan tidak membuat perbelanjaan yang tidak perlu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu sedar tentang beberapa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan di dalam menguruskan soal-soal kewangan yang telahpun diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Belanjawan Tahun 1976 di Dewan ini pada 6hb November, 1975. Tidak ada apa-apa lagi yang hendak saya tambah kepada ucapan beliau setakat ini.

PEMBANTU HOSPITAL

20. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab Kementeriannya melengah-melengahkan dan tidak mengambil berat dalam usaha mendaftar dan menentukan tugas-tugas 1,500 orang Pembantu Hospital di seluruh negara.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima permohonan dari Kesatuan Pembantu-pembantu Hospital untuk mendaftarkan sekalian Pembantu-pembantu Hospital dan perkara ini sedang disemak dan dikaji dengan mendalam dan dalam pertimbangan.

Mengenai senarai tugas-tugas Pembantu Hospital, perlulah dinyatakan bahawa Kementerian saya tidak dapat hendak menetapkan senarai tugas dan tanggungjawab khas bagi sekalian Pembantu-pembantu Hospital kerana tugas-tugas mereka itu adalah berlainan di antara seorang dengan seorang yang lain mengikut tempat mereka itu ditempatkan seperti di Hospital-hospital, Klinik-klinik dalam bandar atau luar bandar ataupun di Yayasan-yayasan perubatan dan di hospital-hospital sekalipun, tugas Pembantu-pembantu Hospital itu berbeza mengikut di mana seseorang Pembantu Hospital itu diletakkan seperti di Wad-wad, Bilik Pembedahan, di setor-setor, di tabung darah, di Makmal-makmal di bilik X-Ray dan sebagainya. Walau bagaimanapun syarat-syarat perkhidmatan mereka itu adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Sekim Perkhidmatan mereka itu.

WARGANEGARA—PERMOHONAN

21. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah orang yang telah meminta menjadi warganegara sejak lima tahun yang lalu;
- (ii) jumlah orang yang telah diberikan kewarganegaraan selepas mematuhi segala kehendak-kehendak;
- (iii) jumlah permohonan yang belum lagi diuruskan; dan
- (iv) sebab kiranya terdapat sebarang kelewatan dalam memproses permohonan untuk kewarganegaraan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah orang-orang yang telah meminta menjadi warganegara sejak lima tahun yang lalu iaitu dari tahun 1969 hingga 1975 ialah 301,775.
- (ii) Jumlah orang yang telah diberikan kewarganegaraan selepas mematuhi segala kehendak-kehendak semenjak 1-1-1969 hingga 25-9-1975 ialah 281,100 orang.
- (iii) Jumlah permohonan yang belum diberi keputusan tetapi telah diuruskan sehingga 25-9-1975 ialah 19,242 orang.
- (iv) Tiada sebarang kelewatan didapati di dalam memproses permohonan-permohonan kewarganegaraan.

RANCANGAN TANAH FELDA

22. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) jumlah rancangan pembukaan tanah Kerajaan di negara ini termasuk Rancangan FELDA dan lain-lain lagi serta jumlah luasnya;
- (b) jumlah peserta-peserta rancangan yang tersebut;
- (c) jumlah pemohon-pemohon yang sedang menunggu hendak menyertai rancangan itu.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga akhir bulan September, 1975 jumlah rancangan-rancangan tanah yang dibuka oleh Kerajaan adalah 1,364 dan jumlah luas kawasannya ialah lebih kurang 1,457,542 ekar. Angka-angka ini meliputi rancangan-rancangan yang dibuka oleh FELDA, FELCRA, dan Kerajaan-kerajaan Negeri (termasuk Sabah dan Sarawak) adalah seperti berikut:

FELDA	...	...	167 rancangan seluas 719,795 ekar
FELCRA	...	...	56 rancangan seluas 82,439 ekar
Negeri-negeri	...	...	1,141 rancangan seluas 655,308 ekar

- (b) Jumlah bilangan peserta-peserta bagi rancangan-rancangan ini ialah:

FELDA	...	...	32,109 keluarga
FELCRA	...	...	6,148 keluarga/orang
Rancangan Kerajaan-kerajaan Negeri	...	...	71,077 keluarga/orang

- (c) Jumlah pemohon-pemohon yang sedang menunggu hendak menyertai rancangan-rancangan ini adalah seperti berikut:

FELDA	...	...	21,038 orang
FELCRA	...	...	8,241 orang
Rancangan Kerajaan-kerajaan Negeri	...	...	9,300 orang

PORTUGIS TIMOR—SIKAP MALAYSIA

23. Tuan James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri apakah sikap Kerajaan Malaysia terhadap peperangan saudara di Portugis Timor dan adakah apa-apa bantuan yang diberi oleh Malaysia bagi meredakan peperangan saudara di sana.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan tentang sikap Kerajaan Malaysia terhadap peperangan saudara di Portugis Timor telahpun diberikan sebagai jawapan kepada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Hashim bin Ghazali pada 5hb November, 1975.

Malaysia setakat ini tidak memberikan apa-apa bantuan bagi meredakan peperangan saudara itu. Walau bagaimanapun, kita telah menyatakan kesediaan untuk bekerjasama sekiranya kita diperlukan untuk bersama-sama menyelesaikan pergolakan yang berlaku sekarang, dengan persetujuan kita untuk menyertai Pihak Berkuasa Bersama empat negara yang telah dicadangkan oleh Portugal dan Indonesia dalam bulan September yang lalu.

KUARI BATU CAVES

24. Tuan K. Pathmanaban (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberikan butir-butir yang berikut:

- (a) tempoh pajakan mengkuari Batu Caves;
- (b) tarikh tamat pajakan yang tersebut; dan
- (c) samada beliau akan gantungkan pajakan itu untuk memelihara "Penarekan Pelancung Batu Caves" ini.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) dan (b) saya suka memaklumkan iaitu masalah pajakan mengkuari Batu Caves adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan saya tidak dapat memberikan butir-butir yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Bagi soalan (c), Kementerian saya tidak mempunyai kuasa untuk menggantungkan pajakan itu. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar akan menyiasat hal ini dan mungkin akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa Kerajaan telah mengumumkan dalam Dewan ini bahawa lesen untuk kuari itu akan ditamatkan? Saya fikir jawapan ini diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Soalnya bilakah lesen ini akan ditamatkan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bilakah jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar?

Tuan K. Pathmanaban: Di dalam session yang lalu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam session yang lalu, mengikut Peraturan Mesyuarat perkara yang sudah berbahas dan diberi jawapan dalam Penggal itu tidak boleh dibangkitkan lagi.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila.

Tuan K. Pathmanaban: Bilakah lesen itu akan ditamatkan? Dewan ini telah dijanjikan bahawa lesen itu akan ditamatkan. Soalan pada session ini bilakah lesen itu akan ditamatkan?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi Kementerian saya tidak mempunyai kuasa untuk menggantungkan pajakan itu dan seperti yang telah saya terangkan bahawa Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar akan menyiasat perkara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya, termasuk perkara itu juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya sudah kata tadi tidak payah dijawab tetapi Yang Berhormat hendak menjawab juga, tidak apalah.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi mengenakan, mentaksir dan memungut cukai atas keuntungan yang didapati daripada pelupusan

harta tanah dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka), 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan d'bacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KESALA- LAHAN-KESALAHAN DI LUAR NEGERI

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berkenaan dengan menguruskan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah undang-undang bertulis, yang dilakukan di mana-mana tempat di luar kawasan Malaysia dan di laut lepas dalam mana-mana kapal atau dalam mana-mana kapaludara yang di-daftarkan dalam Malaysia atau selainnya seolah-olah kesalahan-kesalahan itu telah dilakukan dalam Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1975

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 77 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk menguatkuasakan perubahan-perubahan duti impot yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan beliau pada 6hb November, 1975. Barang-barang yang dikenakan cukai ialah barang-barang mewah dan tidak mustahak dan ini boleh dilihat secara lanjut dalam Perintah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 77 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan) (No. 8), 1975**

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 78 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk melanjutkan cukai-cukai impot ke atas beberapa barang mewah dan barang-barang tidak mustahak ke Pulau Pinang. Butir-butir mengenai langkah ini telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya pada 6hb November, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 78 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Cukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1975

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Cukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 79 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk menaikkan kadar cukai tokok sebanyak 1% dari 4% ke 5% di seluruh Malaysia. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya pada 6hb November, 1975 langkah ini ialah untuk menambah hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Cukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 79 tahun 1975 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 80 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah untuk membuat sedikit pindaan kepada struktur cukai eksais ke atas kereta-kereta motor pasangan tempatan supaya ianya menjadi lebih progresif. Butir-butir lanjut mengenai langkah ini telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya pada 6hb November, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 80 tahun 1975 disahkan.

ORDINAN EKSAIS SABAH No. 18 TAHUN 1959

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959 Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 81 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan tujuan Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1975 yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan ini melainkan ianya dikenakan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959 Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 81 tahun 1975 disahkan.

ORDINAN EKSAIS SARAWAK (CAP. 27)

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinance Eksais Sarawak (Cap. 27), Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 82 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1975 yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan ini melainkan ia dikenakan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Cap. 27) Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S. T. 82 tahun 1975 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER- BEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (24hb November, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab Kepala Perbekalan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini mengandungi 1 hingga 12 Kepala Perbekalan dan juga Pembangunan dan banyak mengandungi Jabatan-jabatan yang penting dan saya perhatikan semalam ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap, maka saya akan benarkan beberapa orang sahaja lagi Ahli-ahli Yang Berhormat berucap hari ini sehingga pukul 4.30 petang bilamana saya akan meminta Yang Berhormat Menteri menjawab. Jadi, saya haraplah jangan bercakap berbunga-bunga, kalau ada, saya tidak akan benarkan lagi, teruskan sahaja kepada perkara-perkara yang berkenaan sahaja.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:
(*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit sudah bercakap semalam, masih belum habis lagikah? Saya beri masa dua minit sahaja, kalau lebih, saya tahan. Silakan.

Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 (Jadual)—

Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.42 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, di muka surat 84 Anggaran Belanjawan, 1976 ada mencatatkan sebanyak \$6,503,160 dan di dalam Belanjawan Persekutuan di bawah Kepala P. 8 buku hijau Pecahan-kepala 10 muka surat 59. Seperti mana kita ketahui bahawa negara kita ini masih memerlukan ramai rakyat. Namun begitu suka saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kemajuan dengan adanya rancangan keluarga pada masa yang lepas? Adakah rakyat kita yang mengamalkan Perancangan Keluarga ini bertambah senang atau bertambah sihat? Rakyat di Malaysia ini terdiri daripada berbagai-bagai bangsa, bangsa apakah yang ramai mengamalkan perancang keluarga, adakah orang Melayu, China, India atau lain-lain bangsa. Saya difahamkan bahawa ibu-ibu yang mengamalkan memakan pil-pil perancang keluarga ini bukan bertambah sihat malahan mereka kurang sihat. Pada masa ini di negara-negara yang maju sudah tidak mahu mengamalkan pil-pil perancang keluarga.

Tuan Pengerusi, adapun masaalah pil-pil perancang keluarga ini telah menjadi satu perkara yang hangat di kalangan umat Islam. Ada setengah ulama berpendapat bahawa orang-orang Islam dilarang menggunakannya. Ada sebahagian ulama pula membenarkannya. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan tegas samada haram ataupun tidak umat Islam menggunakannya.

Tuan Pengerusi: Itu termasuk khilafiah.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Pengerusi, dalam tinjauan kaca mata saya sekiranya rancangan Perancangan Keluarga ini meluas pada masa yang akan datang, mungkin akibat yang buruk akan kita terima. Mengapa saya katakan demikian, jikalau pil-

pil ini meluas dijual di sana sini dan mungkin perempuan-perempuan di masa akan datang mereka tidak mahu lagi berumah tangga ataupun berkahwin. Wanita-wanita lebih baik berpoya-poya dan berseronok-seronok sahaja dan daripada itu pula masyarakat lelaki dan perempuan akan bersekedudukan.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, masa sudah dua minit.

3.46 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, dalam menyokong Anggaran Belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri di bawah Kepala B. 8, Pecahan-kepala 1100 aktiviti (7) Pencegahan Rasuah. Maka izinkan saya untuk bersama-sama memberikan fikiran yang berguna kepada jabatan tersebut yang pada hari ini menjadi tumpuan perhatian umum bagi menjaga keselamatan dan disiplin kakitangan Kerajaan supaya bersungguh-sungguh dapat menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat. B.S.N. (Biro Siasatan Negara) diasaskan dengan persetujuan rakyat dalam Parlimen ini juga untuk bergerak mengawal dan mencegah gerakan rasuah yang terdapat menjadi-jadi di kalangan rakyat ataupun pemerintah dalam negara ini. Dengan kesedaran bahawa penyakit rasuah ini yang dianggapkan sebagai kuman cancer kepada negara tidak akan memakan tulang-tulang belakang negara sebagaimana yang berlaku di negara-negara asing yang banyak sekali menjahanam dan menumbangkan pemerintah, maka Parlimen ini juga telah meluluskan Akta memberi kuasa dan peruntukan yang cukup untuk jabatan ini bergerak.

B.S.N. telah menjadi bahan-bahan bisikan yang ditakuti oleh mereka yang melakukan perbuatan rasuah dan lain-lain kesalahan yang seumpama itu. Rasuah yang dilakukan oleh rakyat kaya dan miskin yang haloba dan ingin mencari kekayaan secara cepat dan secara gelap, yang kaya ingin menjadi bertambah kaya, lupa kepada segala peraturan tata tertib undang-undang negara, lupa kepada taat setia kepada Raja, lupa kepada Tuhan yang memberi rezki yang cukup yang menghidupkan sekian lama semata-mata mengejar kepada kedudukan yang lumayan dan konon masa hadapan yang gumilang. Kepada si miskin yang tidak mempunyai pelajaran dan asas hidup ingin hendak meniru kehidupan yang lebih

lumayan telah hilang pedoman hidup juga terperangkap dalam penyakit rasuah ini. Rasuah dapat dibasmikan dengan rakyat dapat pelajaran yang cukup di dalam ketotoran penyakit ini. Sehingga hari ini setelah pejabat B.S.N. ini ditubuhkan pegawai-pegawainya telah menjalankan tugas dan kerjanya dengan baik. Semua lapisan kakitangan Kerajaan telah mendapat perhatian dan penelitian daripada perhatian B.S.N. sehingga di dalam masa yang singkat B.S.N. ditubuhkan maka ia telah menjadi sebagai watch word kepada rakyat. Rasuah semakin menjadi-jadi dan bertambah-tambah. Rakyat ketawa kerana sebelum B.S.N. ditubuhkan kerja-kerja rasuah ini tidak sangat ketara di dalam masyarakat tetapi setelah B.S.N. lahir kejadian rasuah kedengaran di sana sini di lapisan bawah dan atas. Kejadian rasuah yang dahulunya sedikit telah menjadi bertambah banyak.

Dahulu rakyat hanya ketahui rasuah ini iaitu duit kopi 10 sen ataupun \$1 di antara kawan-kawan dalam pekan-pekan kecil, antara si pulan ini dengan si pulan itu dengan kawan-kawan dalam jabatan-jabatan Kerajaan yang hidup bergaul rapat dalam masyarakat, bertemu di antara satu sama lain setiap waktu di dalam kedai-kedai kopi yang kecil-kecil di kampung-kampung. Rasuah itu ialah terbit daripada perasaan ikhlas, muhibbah, kasih sayang hasil daripada perpaduan kaum yang kerap terdapat di dalam suasana Malaysia hari ini di mana-mana sahaja.

Rakyat bertanya, adakah perbuatan terjal ini umpama ini iaitu kerana semata-mata perasaan kasih sayang di antara satu dengan lain dianggap sebagai sasaran kepada doktor-doktor dalam B.S.N. ini? Rakyat ingin sangat B.S.N. menjalankan tugas—tugas dengan mengenalkan diri kepada ramai iaitu tugas B.S.N. ini ialah hendak menyelamatkan negara dan rakyat daripada terjerumus ke dalam chaos dan kemiskinan. Hari ini B.S.N. atau dalam istilah lama Jabatan Pencegah Rasuah dipandang sebagai pasukan Gastapo yang sangat ditakuti oleh rakyat Jerman semasa Hitler dahulu. Kita tidak ingin sekali-kali sebarang jabatan Kerajaan yang direstukan oleh Parlimen ini kelak akan menjadi bukan sahaja pandangan takut oleh rakyat tetapi juga pandangan benci seumpama rakyat Jerman benci kepada Gestapo yang hanya semata-mata tegas

hendak menangkap dan menghukumkan rakyat bersalah. Kita sedar bahawa untuk menjalankan tugas-tugas membasmi rasuah ini susah tetapi kita ingin supaya dalam meneruskan usaha-usaha yang baik oleh pihak B.S.N. ini maka B.S.N. sentiasa mendapat kerjasama dengan rakyat dan Kerajaan mendapat sokongan serta dipuji dengan tindakan-tindakan oleh jabatan yang tersebut. B.S.N. selama ini tidak pernah melahirkan diri kepada masyarakat, tetapi tinggal di belakang di dalam bayang-bayang rakyat sahaja. Bayang-bayang itu sentiasa menakut-nakutkan dan menggerunkan rakyat, baik kakitangan Kerajaan besar dan kecil dan juga rakyat umum. Apa yang patut dilakukan oleh B.S.N. menjalankan usaha untuk memberi penerangan kepada rakyat dengan secukup-cukupnya di dalam perkara-perkara penyakit rasuah. Bahaya dan bagaimana hendak menghindarkan penyakit tersebut. Penerangan-penerangan dan memberi faham kepada rakyat setakat hendak menangkap si-anu, si-itu, si-pulan ini tidak akan memberi kesan yang baik kepada rakyat, bahkan akan menggerunkan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa berteriak hendak menegakkan keadilan. Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa berteriak hendak menegakkan keadilan ini dapat menjalankan banyak untuk mengubah sikap B.S.N. ini. B.S.N. sepatutnya mencari satu jalan lain untuk mengikiskan cancer ini iaitu cara-cara hendak mencegahnya daripada mula kuman-kuman itu merayap masuk ke dalam badan rakyat. Dakwah-dakwah ataupun penerangan-penerangan yang banyak dan mendalam yang bersandar kepada hukum-hukum agama hendaklah dibuat dan difikirkan. B.S.N. tidak semata-mata berhadapan dengan file-file hitam untuk mengekor atau mencekup pegawai-pegawai ini. Yang Berhormat itu ataupun si-pulan ini dan itu. Pegawai-pegawai Kerajaan tinggi dan rendah yang selama ini telah berkhidmat dengan taat-setia dan dedikasi dengan baik akan turut gentar dengan telatah-telatah pegawai-pegawai ataupun penyiasatan daripada B.S.N. ke atas mereka.

Daripada mutu kerja yang cemerlang di masa-masa yang telah lalu yang ditunjukkan oleh seluruh angkatan pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia yang berkhidmat dengan dada yang lapang, gembira dan tidak pernah takut, kerana adanya sebuah Kerajaan yang boleh diharapkan untuk melindungi mereka

di hari hadapan di masa hujan dan di masa panas kelak akan bertukar menjadi mereka bekerja dengan takut dan cuak dan berhati-hati, curiga di antara satu dengan lain senentiasa ingat bila mereka itu akan mengikut langkah

Tuan Pengerusi: Ini bukan merupakan ucapan dalam Jawatankuasa. Itu dalam masa berbincang dasar am.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya menumpukan

Tuan Pengerusi: Tidak, saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat—itu boleh dicakapkan di dalam masa Jawatankuasa.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Terima kasih. Saya melangkah kepada perkara yang lain iaitu walaupun saya bersetuju dengan setengah-setengah pihak yang mengatakan kesucian dalam B.S.N. hendak menjalankan tugas-tugas mereka, tetapi saya berharap sekiranya pihak-pihak yang tersebut yang telah diamanahkan oleh Parlimen ini yang saya juga ada hak dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah beri hak kepada mereka menjalankan dengan tenang dan baik supaya rakyat mempunyai perasaan yang lega dan senentiasa kasih mesra terhadap Kerajaan yang senentiasa melindungi mereka dan bukan hendak menakut dan menggentak-menggentak.

Tuan Pengerusi: Hak itu ada pada Ahli Yang Berhormat. Tetapi jangan salahgunakan hak pula.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Di bawah Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (10)—Urusetia Perpaduan Negara. Ingin saya hendak memberi fikiran saya perpaduan menjadi tugas utama Kerajaan. Tanpa perpaduan kaum negara akan jahanam. Dalam mengikuti perkembangan tugas-tugas Jabatan Perpaduan Negara selama ini rakyat mendapati jurang pemisahan kaum di antara satu sama lain telah menjadi semakin luas. Perasaan iri hati dan kecurigaan antara kaum khususnya di luar bandar telah bertambah. Saya tidak nampak satu kesan yang baik dan jelas di mata apa yang telah dibuat oleh Majlis Perpaduan Negara, melainkan semata-

mata diadakan kelas perpaduan kaum di bandar-bandar dan di pekan-pekan, majlis-majlis makan-minum sahaja.

Fungsi Jabatan ataupun Jawatankuasa Perpaduan di peringkat daerah umpamanya iaitu di peringkat grass root tidak langsung bergerak. Kalau Majlis-majlis perpaduan hanya mengadakan perayaan di Ibu Kota sahaja di antara para Menteri-menteri dengan tokoh-tokoh terpilih yang mewakili kaum-kaum dan diakhiri makan-minum dan ucapan puji-memuji antara satu sama lain sudah cukup untuk tugas-tugas perpaduan, saya kata dengan terus terang bahawa tugas itu tidak akan berkesan dan semata-mata menjahanamkan wang negara, bererti wang rakyat. Bahkan merenggangkan perpaduan kerana gambaran Menteri-menteri menghad'ri makan-minum itu kadang-kala mencemuh-cemuhkan hati rakyat. Apa yang patut dibuat majlis-majlis perpaduan dapat dianjurkan oleh seruan Majlis Perpaduan Negara di segenap kampung ataupun pekan di mana terdapat perpecahan bilangan kaum yang banyak.

Perhatian harus diberi di segenap aspek, di peringkat ini, di dalam kehidupan seharian di dalam mata-pencarian pembahagian yang adil, di dalam pendidikan yang tidak ada diskriminasi, di dalam mengamalkan faham keagamaan yang tidak ada sekatan-sekatan; perjumpaan yang diatur daripada setiap masa dengan mendapat perhatian daripada Majlis Perpaduan Negara harus diadakan.

Hari ini Majlis Perpaduan Negara adalah seumpama Jabatan yang indah pada nama sahaja tetapi sebaliknya kalau Majlis ini benar-benar menjalankan fungsi menurut sebagaimana kehendak-kehendak sepertimana yang diamanahkan oleh Parlimen ini, maka peranan yang besar dan berguna dapat diamal dan dijalankan.

Majlis Perpaduan Negara dapat memainkan peranan yang banyak kalau dia dapat berganding bahu dengan aktiviti (11) di bawah tajuk yang sama, kepala yang sama iaitu Latihan Pembangunan Masyarakat. Saya berharap peruntukan wang kepada tajuk yang tersebut ini patut digunakan dengan bersungguh-sungguh supaya pembangunan masyarakat khususnya di luar bandar dapat digerakkan menuju kepada satu masyarakat yang kemas dan dinamis menyambut sebarang hasrat Kerajaan yang

ingin kemajuan itu dipergiatkan dengan ber-sungguh-sungguh. Pembangunan masyarakat bukan sahaja hanya tertumpu kepada menyedarkan rakyat di atas tanggungjawab mereka terhadap keharmonian, kesucian sosial dan pembinaan watak rakyat untuk berbakti kepada masyarakat.

Latihan Pembangunan Masyarakat patut dititikberatkan terhadap golongan wanita dan belia-belia supaya mereka lebih cergas membuat berbagai-bagai tugas amal.

Lagi satu perkara yang saya hendak sentuh iaitu berkenaan dengan Aktiviti 13—Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Kita sedar bahawa peranan yang baik telah dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji terhadap tugas-tugas berkenaan dengan jemaah haji dari Malaysia. Kesulitan ini telah dapat dikurangkan hampir 80% kepada pengurangan pihak jemaah-jemaah haji. Kesulitan yang mana diketahui bermula daripada waktu dia mendaftarkan diri untuk niat untuk pergi mengambil haji membawa kepada persiapan-persiapan mula menaiki kapal udara ataupun hendak menaiki tangga kapal di pelabuhan sehingga dia tiba balik ke rumah semula dengan membawa title “al-hajj”.

Kepujian harus pada hari ini diberi kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang telah membuat bermacam-macam perubahan untuk keselisaan kepada jemaah haji. Dan di antara itu mungkin ada beberapa perkara lagi yang patut dibuat perubahan-perubahan. Tetapi perubahan-perubahan tidak akan dijalankan dengan sempurna oleh kerana kita berhadapan dengan satu negara yang lain yang juga bertanggungjawab bukan sahaja kepada jemaah kita, tetapi juga kepada jemaah dari seluruh dunia ini.

Oleh kerana itu, kalau sekiranya ada kebangkitkan apa-apa rasa tidak puas hati daripada pihak rakyat, maka pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji senentiasa dan selalunya menerima dengan tabah dan sabar dan akan senentiasa untuk menjalankan tugas-tugas mengemaskan kehendak-kehendak ini. Inilah dia satu tugas yang dijalankan bukannya berharap kepada pahala tetapi berharap supaya rakyat sedar bahawa ini adalah untuk keselisaan dan kebaikan masyarakat ramai khasnya kepada Islam yang kita sama-sama tegakkan dan sebagai agama rasmi dalam negara ini.

3.58 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyentuh satu dua sahaja. Yang pertamanya kepala B. 8 dalam Aktiviti (5)—Pentadbiran Ugama Islam. Dalam perkara Pentadbiran Ugama Islam, Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini Alhamdulillah, kita dapat mendengar dan dapat melihat bagaimana sambutan masyarakat kita terhadap Islam begitu sekali hangat dan baik. Dari mana puncanya payahlah kita hendak sebutkan satu persatu, tetapi walau bagaimanapun tentunya daripada penerangan-penerangan yang banyak berupa risalah, berupa ceramah-ceramah dan sebagainya. Dalam masalah Pentadbiran Ugama Islam ini, di samping kita mengambil langkah-langkah memajukan ugama ini perlu juga kita memerhatikan perkara-perkara yang merupakan penyakit untuk menghalang perkembangan Islam ini.

Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya pihak Pentadbiran ini perlu dijalankan satu usaha untuk pendekatan dengan Kementerian-kementerian lain sama. Janganlah sekali-sekali pihak Pentadbiran Ugama ini bersendirian bekerja tanpa menjalankan usaha penyelarasan antara Kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian-kementerian Pelajaran, Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan, dan lain-lain. Kerana kalaulah kita sahaja yang berusaha itu dan ini untuk mengembangkan ugama, tetapi kalau Kementerian Pelajaran tidak membuat langkah-langkah yang positif untuk menyelaraskan kerjanya dengan kerja tadi tentulah kerja-kerja kita akan tergendala. Misalnya, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan selalu mengadakan perkara-perkara ataupun aktiviti-aktiviti, di sebalik nama kebudayaan, tetapi kebudayaan itu bertentang dengan amalan ugama Islam sudah tentulah usaha ugama ini akan selama-lamanya terkandas. Begitu juga masalah penyiaran. Penyiaran ini satu perkara yang amat penting diselaraskan dengan Jabatan ini, kerana kalau kita sahaja yang berusaha untuk menyebarkan risalah-risalah, tetapi pihak talvisyen atau pihak radio terus-menerus mengadakan gambar-gambar yang bertentangan dengan Islam ataupun mengeluarkan nyanyi-nyanyi dan gambar-gambar yang berupa sex dan sebagainya, maka sudah tentulah kerja kita ini akan terkandas juga.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Satu perkara yang perlu saya sebut juga iaitu apabila kita membaca suratkhabar yang berbahasa Inggeris (The New Straits Times) baru-baru ini pada 11hb November ini ada menyebutkan bahawa satu conference ataupun satu perjumpaan umum akan dibuat oleh Badan Catholic Sedunia mengandungi wakil-wakil daripada India, Sri Langka, New Guinea, Bangladesh, Pakistan, Filipina, Thailand, Australia dan sebagainya. Mereka akan mengadakan conference di tanahair kita ini. Perlu diingat Tuan Pengerusi, bahawa conference seperti ini telahpun dicadangkan pada tahun yang lepas bahawa conference itu akan diadakan di sebuah negeri jiran kita iaitu di Indonesia, tetapi oleh kerana mereka sedar bahawa conference itu ialah untuk berdakwah dan mengembangkan ugama, maka Indonesia telah menentang, dan alhamdulillah conference ini telah dibatalkan. Oleh kerana mereka itu memandang agaknya negara kita ini sebuah negeri yang kecil, maka mereka hendak mengadakan conference itu di negara kita. Perlu diingat bahawa usaha-usaha mereka itu perlu kita tentang dan perlu kita halang kerana ini bukan semata-mata untuk mengadakan perjumpaan, sebaliknya akan mengadakan satu dakwah dan berkempen untuk menegakkan Kristian sudah padanlah negara kita ini dilanda oleh kominis dan dilanda oleh subversif lain, kalau hendak ditambah penyakit yang lain lagi sangat-sangat mendukacitakan.

Yang kedua, saya sentuh sedikit dalam perkara rasuah, Tuan Pengerusi. Apabila kita bangun pagi ini kita lihat suratkhabar semua sekali headlinenya ditulis mengenai tangkapan yang dibuat ke atas seorang pemimpin tanahair kita ini. Saya merasa dukacita benda ini dibuat setelah berlakunya kecaman-kecaman hebat dalam Parlimen mengenai dengan rasuah ini dan juga telah berlakunya surat-surat melayang begitu banyak.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (2) yang berbunyi:

“36 (2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu.”

Jadi, dengan itu tidak dibenarkan Ahli Yang Berhormat menyebutkan perkara ini. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Aziz bin Nik Mat: Sekian sahaja, terima kasih.

4.04 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan bahagian Kepala Bekalan 8, Pecahan-kepala 1100—Aktiviti (2) Perancangan Ekonomi dan (3) Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran di mana ternyata bahawa kedua-dua bahagian ini ingin memainkan peranan penting pada keseluruhannya, iaitu merancang dan menyelaras serta menganalisa segala rancangan bangunan bagi memastikan agar segala perlaksanaannya akan berjaya.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, ingin saya mengambil peluang ini bercakap berkenaan dengan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh negeri-negeri yang tidak berpeluang memajukan kawasan mereka dalam bidang industri dan terpaksa tertumpu banyak kepada kemajuan dalam bidang agro-based industry. Memandang akan tujuan-tujuan baik Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pelaksanaan ini, saya harap pegawai-pegawai yang terlibat dalam kedua-dua bahagian ini akan menjalankan kewajipan dalam menunaikan tujuan-tujuan itu supaya tujuan-tujuan asasi Kerajaan kita bagi membasmi kemiskinan dan melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab dan yang adil dapat ditunaikan. Jadi, masalah yang kita sedang hadapi sekarang ialah walaupun negara kita sekarang maju, tetapi negeri-negeri yang lain terutama sekali negeri-negeri yang terletak di utara yang beragro based pembangunan amatlah kurang dan jikalau adapun tertakluk kepada setakat mana negeri itu boleh meminjam wang daripada Kerajaan Pusat.

Salah satu daripada contohnya, sukacita saya bercakap berkenaan dengan negeri saya sendiri iaitu negeri Kedah, walaupun contributionnya begitu besar sekali dalam pembangunan negara, tetapi sehingga pelancaran Rancangan Malaysia Kedua dari sejak tahun 1971 sehingga tahun 1975 yang akan diakhiri pada 31hb Disember akan datang. Negeri

Kedah sentiasa dalam keadaan hutang. Sehingga kini ada sebanyak \$13 juta yang terpaksa dipinjamkan, ini tidak termasuk hutang-hutang yang lama yang telah lupuk dan terpaksa dijadikan sebahagian daripada pinjaman. Dan bagi menggambarkan bagaimana buruknya keadaan kewangan negeri ini, hutang dalam kira-kira antara pentadbiran dan Akauntan Negara yang berjumlah berjuta-juta ringgit sudahpun tidak dapat dijelaskan dan telahpun dijadikan sebahagian besar daripada hutang biasa dengan bayaran bunga $7\frac{1}{2}\%$ dan dipaksa dibayar dalam tempoh 10 tahun akan datang. Bagaimana buruknya keadaan negeri ini sehingga terpaksa negeri Kedah sendiri menaikkan cukai hiburan dan juga cukai air minuman dan air-air untuk domestic use. Ini satu siksaan kepada rakyat dan kepada Kerajaan Negeri Kedah. Ini amatlah menyedihkan kerana setahu kita peranan negeri Kedah dan rakyatnya terhadap adalah melebihi kerana negeri Kedah dikenali sebagai sebuah negara jelapang padi, di mana ianya sudah membekalkan 55% bekalan beras dan padi iaitu bahan utama kita untuk keseluruhan rakyat dalam tanahair ini. Seperti yang kita tahu beras dan padi adalah satu-satu bahan yang agaknya telah membantu kita bagi menstabilkan keadaan dalam negara semasa negara ini menghadapi dan mengalami inflation dan recession, dan satu-satu yang telah mengisi perut rakyat bagi mengekalkan kepercayaan kita terhadap demokrasi yang kita sanjung ini. Akan tetapi, di sebelah contribution bekalan beras dan padi yang dimuatkan kepada negara tidak ada satu-satu keistimewaan negeri Kedah dapat menikmati dari segi bentuk cukai dan hasilnya. Umpamanya, segala hasil daripada kemajuan ini semuanya diterima oleh Kerajaan Pusat. Sebagai satu contoh dalam bekalan padi dan beras untuk negara dengan adanya tanaman padi dua kali setahun Kerajaan Kedah telah menyelamatkan dari segi foreign exchange tidak kurang daripada \$200 juta.

Selain daripada cukai jalanraya dan lain-lain lagi telahpun menambahkan pendapatan Kerajaan Pusat, tetapi sebaliknya Kerajaan Kedah tidak sedikit pun menerima keistimewaan melainkan terpaksa menaikkan cukai tanah untuk membayar hutang-piutang kepada World Bank dan kepada Kerajaan Pusat. Apa yang menyedihkan Kerajaan Kedah sendiri tidak ada hutan belantara yang banyak dan kawasan kayu-kayan yang

besar serta bijih timah. Kerajaan ini semata-mata mengharapkan cukai daripada hasil tanah di mana kita sedia maklum jika cukainya dinaikkan akan membawa kesusahan kepada rakyat yang sedang mendapat pendapatan yang agak tidak begitu lumayan lagi.

Tetapi apa yang ganjil ialah dengan adanya segala rancangan-rancangan ini, Rancangan Perairan Muda Kerajaan Pusat yang telah menerima bantuan yang banyak, kerana selain daripada hasil-hasil yang saya sebutkan kita telah pastilah bahawa di Commercial Banks di negeri Kedah dan di negeri Perlis banyak simpanan telah dibuat oleh rakyat tetapi malangnya wang-wang ini telah disalurkan balik kepada pekan-pekan yang besar di luar daripada negeri-negeri ini untuk dimodalkan dalam perusahaan-perusahaan dan sebagainya. Jadi, masanya sudah tiba di mana bahagian ini saya agak mesti menunjukkan bagaimana Kerajaan Pusat berhajat hendak membangunkan sense of permanence and economic independence dalam negeri-negeri yang seperti ini. Kalau tidak tentu sekalilah kita tidak dapat menunaikan cita-cita dan tujuan Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan dan melahirkan masyarakat yang adil.

Satu cara yang ada sekarang ini yang Kerajaan Negeri Kedah boleh terima atau Kerajaan-kerajaan yang agak miskin boleh terima bantuan daripada Kerajaan Pusat ialah cara contribution yang berdasarkan kepada percapita contribution, berdasarkan jumlah penduduk dalam negeri itu. Agak saya susunan yang begini atau system begini tidaklah sesuai, kerana system atau cara yang begini tidak memberi kesan yang agak lebih terhadap contribution yang diberi oleh negeri itu. Kerana system yang ada ini akan memberi rezki yang agak lebih kepada negeri-negeri yang maju berdasarkan kepada perusahaan dan tidak pula kepada negeri-negeri yang menjalankan usahanya berdasarkan industri-industri yang agro-based sahaja dan ianya tidak menimbangkan productivity, output atau contribution sebagai asas pemberian wang pembangunan.

Selain daripada itu, satu lagi cara yang mungkin Kerajaan-kerajaan yang miskin ini boleh menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat ialah cara memohon projek-projek yang agak viable yang boleh dilaksanakan di negeri-negeri ini. Tetapi malangnya, system

yang ada sekarang ini menaklukkan negeri-negeri ini kepada sambutan-sambutan atau pertolongan-pertolongan yang boleh diterima daripada pegawai-pegawai yang menjaga projek-projek ini atau yang memproses projek-projek ini. System ini berasaskan kepada system rule of thumb atau whim and fancy tiap-tiap seorang pegawai. Jadi kalau negeri itu tidak ada perhubungan dan ianya miskin untuk berhubung dengan pegawai-pegawai yang berkenaan, maka nasibnya tentulah akan kurang. Saya fikir masanya sudah tiba supaya system pemberian contribution untuk pembangunan ini dikaji semula oleh bahagian-bahagian ini supaya system pinjaman wang kepada negeri-negeri yang mundur dapat dijalankan dengan secara system yang lebih teratur yang betul-betul berasaskan kepada contribution dan peranan rakyat dan Kerajaannya.

4.14 ptg.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Kulim-Bandar Baharu): Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam P. 8, muka surat 57, Pecahan-kepala 1—Kajian Rancangan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kajian satu-satu rancangan itu adalah sangat mustahak bagi Kerajaan hendak melancarkan satu-satu rancangan, terutama sesuatu rancangan yang besar yang melibatkan kehidupan penduduk-penduduk rakyat dalam negeri ini.

Saya sangat tertarik hati di atas kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Rancangan Malaysia Ketiga kebanyakan akan ditumpukan kepada negeri-negeri yang mundur atau yang kurang maju dalam Malaysia ini iaitu seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu. Saya ingin menarik perhatian supaya Jabatan ini menumpukan perhatian dalam pelan induk dalam negeri-negeri yang berkenaan dan memberi perhatian yang lebih kepada daerah-daerah yang mundur dalam negeri yang mundur itu iaitu daerah-daerah yang kurang maju dalam negeri yang kurang maju seperti saya sebutkan. Misalnya, dalam negeri Kedah ada kawasan-kawasan yang maju, malah lebih maju daripada negeri-negeri yang disebutkan maju, misalnya, dalam kawasan utara Kedah di sana ialah kawasan padi, tetapi malangnya kawasan saya Kulim-Bandar Baharu, kawasan Baling dan Sik misalnya, dan Bahagian Kedah Tengah,

kawasan-kawasan ini tidak ada perusahaan-perusahaan yang baik dan tanah-tanahnya pun tidak begitu subur jika dibandingkan dengan kawasan sebelah utara Kedah dan pegawai-pegawai pula kurang dihantar ke situ untuk menumpukan perhatian. Lebih malang lagi daerah ini ialah kawasan "sensitive area" iaitu kawasan di mana penganas-penganas komunis bergerak cergas. Jadi, inilah saya berharap pada kali ini supaya Kerajaan menumpukan tenaga membuat satu pelan induk dalam kawasan-kawasan yang saya sebutkan itu.

Dalam kawasan daerah Bandar Baharu misalnya, masih ada dekat 5,000 ekar lebih lagi tanah-tanah yang belum dimajukan. Ini disebabkan bukan tidak ada semangat dan kemahuan-kemahuan penduduk-penduduk di situ hendak memajukannya, tetapi perbekalan-perbekalan air dan kemudahan-kemudahan asas tidak disediakan oleh Kerajaan. Ini mungkin disebabkan oleh kelemahan dan kurang kajian terhadap rancangan dikawasan ini. Apabila ditengok perbelanjaan yang dijangka akan dibelanjakan di dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah \$35.1 juta, tetapi entah mengapa, entah dikawal oleh Perbendaharaan bahagian ini masih tidak boleh membelanjakan sebanyak \$5 juta. Ini mungkin telah dikawal oleh Perbendaharaan ataupun kurang pakar-pakar. Kalau kurang pakar-pakar hendak mengkaji rancangan ini saya rasa tidaklah menjadi satu ketegahan kalau kita menggunakan pakar-pakar dari luar negeri kerana ini akan memberi bantuan yang besar kepada masyarakat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian dalam muka 59, P. 8 juga iaitu Pecahan-kepala 8 dan 9. Dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua telah diuntukkan bahagian pemberian kepada Negeri-negeri iaitu jalan-jalan di luar bandar sebanyak \$35 juta dan lain-lain rancangan pembangunan luar bandar sebanyak \$15 juta. Inipun kita tidak belanja sebanyak \$17.7 juta. Tuan Pengerusi, sebenarnya memang tidak boleh dinafikan keutamaan harus diberi dan ditumpukan dalam satu-satu daerah yang boleh membangunkan ekonomi atau diutamakan dari segi ekonomi, tetapi masalah jalan-jalan kecil di luar bandar, di kampung-kampung inilah yang mustahak dan kebanyakan jalan-jalan ini biasanya menjadi masalah politik,

biasanya dekat-dekat pilihanraya baru peruntukan itu diluluskan, sehingga kadang-kadang pegawai-pegawai yang berkenaan tidak sempat hendak membelanjakan wang ini sehingga menjadi membazir sahaja. Dengan sebab itu, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini saya sangat berharap supaya disusun perbelanjaan yang diuntukkan dibelanjakan betul-betul dan ditambah lagi, kerana sebahagian daripada usaha hendak membangun penduduk-penduduk di luar bandar adalah sangat mustahak supaya jalan-jalan kecil dan tititian yang kecil itu diperbaiki, benda ini sebenarnya ialah perbelanjaan yang dimestikan pada tiap-tiap dalam satu-satu kawasan.

Dalam Pecahan-kepala 10—Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan, saya menyokong usaha yang dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan yang ada sekarang, tetapi saya ingin menambah supaya rancangan ini hendaklah dijalankan lebih menyeluruh, terutama dalam kawasan-kawasan luar bandar dalam peringkat masyarakat yang rendah taraf hidupnya.

Pada masa sekarang, saya nampak syarahan-syarahan ditujukan kepada penduduk-penduduk bandar dan kepada pihak kaum atasan tetapi malangnya kaum-kaum atasan ini anaknya tidak banyak padahal mereka mampu kalau mereka banyak anak. Apa yang patut ialah menumpukan perhatian kepada petani-petani, buruh-buruh dalam estate dan sebagainya. Mereka ini payah sekali hendak diberi penerangan melalui lisan atau TV kerana alat-alat ini tidak boleh sampai kepada mereka. Maka hendaklah dengan cara direct contact iaitu perjumpaan secara langsung supaya mereka ini sedar bagaimana pentingnya mereka melibatkan diri dalam perancangan keluarga.

Dalam Rancangan Keluarga inipun kalau ditengok kepada perbelanjaan yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua masih tidak berbelanja juga iaitu \$5.7 juta. Saya tidak tahu adakah ini juga pindaan daripada Perbendaharaan atau pegawai dalam Lembaga Perancang Keluarga tidak tahu hendak membelanjakan wang ini atau tidak ada projek, atau tidak ada ahli atau pakar yang hendak menjalankan projek-projek tersebut.

Sebelum saya duduk, Tuan Pengerusi yang bijaksana, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan B.S.N.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Terima kasih, tetapi tidak payah sebut yang bijaksana.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong penuh tindak-tanduk B.S.N. tentang merembat orang-orang yang mengambil rasuah. Tetapi bagi saya takrif rasuah ini lebih luas bukan sahaja dari segi mata benda, harta dan sebagainya. Takrif saya dalam rasuah ialah mana-mana juga pegawai yang lambat datang ke pejabat, misalnya patut datang pada pukul 8.00 pagi tetapi dia datang pada pukul 10.00 dengan tidak bersebab atau habis waktu pukul 4.00 petang dia balik pukul 3.00 dengan tidak bersebab, ini pun rasuah juga. Mana-mana Jabatan atau pegawai atau sebagainya yang melambatkan jawapan atau tindakan yang patut diambil dalam permintaan sesuatu hal rakyat, itu pun rasuah namanya. Jadi inilah yang saya minta supaya Tan Sri Ibrahim menengok sedikit atau menyuruh anak-anak buahnya menengok dalam soal ini. Ini pun kena tegas juga kadang-kadang. Tidak boleh beri peluang. Jadi nampaknya sekarang ini dari segi mata rakyat Jabatan ini hanya menumpukan kepada orang yang mengambil wang atau mata benda sebagai rasuah. Itulah saya berpendapat orang yang sengaja lambat datang kerja dalam pejabatnya sendiri pun patut dinamakan rasuah dan saya percaya itupun rasuah. Kalau ini dapat dibersihkan dan dapat dijalankan dengan lebih cekap, saya rasa kita akan memberi setinggi-tinggi tahniah dan sokongan penuh di atas langkah-langkah yang akan dijalankan oleh B.S.N. pada masa hadapan.

4.23 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong ucapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan saya ingin hendak mengulas sedikit mengenai Kepala B. 10—Jabatan Kehakiman, muka surat 16. Saya perhatikan daripada keterangan yang tersebut di B. 10 ini menunjukkan bahawa Jabatan Kehakiman merupakan satu Jabatan yang boleh mendatangkan hasil untuk

negara. Mengikut keterangan yang disebutkan di sini jumlah pendapatan seluruh Malaysia Barat, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak daripada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Magistrate tahun 1974 berjumlah (ini kiraan saya sendiri yang tercatat dalam keterangan itu) \$10,963,969. Tahun 1975 anggarannya sebanyak \$11,170,000 dan tahun 1976 anggarannya \$11,448,000 dan peruntukan perbelanjaan tahun 1974 sebenarnya telah dibelanjakan sebanyak \$11,533,198, tahun 1975 \$11,553,340 dan tahun 1976 \$12,434,200. Saya dapati di sini masalah pendapatan daripada Jabatan Kehakiman daripada angka-angka perbandingan bolehlah kita mendapat satu kesimpulan iaitu yang pertama kadar pertambahan pendapatan hasil tahun 1974, 1975 dan 1976 tidak sampai 10%. Ini membuktikan dan telahpun dinyatakan di dalam penyata tersebut iaitu banyak kes-kes yang tidak sempat dibawa ke hadapan yang dikatakan backlog.

Tuan Pengerusi, masalah backlog inilah yang menyusahkan hati kerana sesuatu kes yang tidak dibicarakan ataupun yang telah ditangguhkan beberapa kali menimbulkan berbagai-bagai perasaan dan frustration di kalangan mendakwa dan pendakwa dan juga daripada pihak peguam-peguam yang mencari makan dalam perkara ini, memberi masa yang lebih panjang untuk mereka mencari helah-helah jalan keluar. Selalunya kita dengar orang-orang yang mendakwa di peringkat bawah misalnya pegawai-pegawai polis, rank and file, pihak-pihak kastam berasa frustrated apabila dikemukakan ke mahkamah ada ketikanya kes itu telah disediakan berbulan-bulan, kena buang kes ataupun yang diagakkan hukumannya berat kerana persediaan kes itu begitu lama, ringan sahaja hukuman yang dijatuhkan. Jadi didapati kadang-kadang pihak Kerajaan kita tidak mempunyai pegawai-pegawai yang mahir dan lengkap dalam perkara ini. Dalam perkara ini juga oleh sebab keadaan negara kita sekarang terutama sekali daripada segi keselamatan sedang dalam ancaman, saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan kita mengadakan satu national service kepada semua peguam yang belum pernah bekerja dengan

Kerajaan, yang akan keluar, yang akan datang ke dalam negara kita ini dan yang akan lulus bekerja national service dengan Kerajaan.

Mereka ini boleh disalurkan kepada Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dapat gunakan tenaga pemikiran mereka dahulu sebelum mereka keluar untuk mencari makan sendiri dengan usaha-usaha mereka sendiri, dengan membuka syarikat-syarikatnya sendiri. Kalau mereka ini ditempatkan di jabatan-jabatan Kerajaan terutama sekali ada banyak kerja-kerja yang berkehendakan ilmu pengetahuan undang-undang, saya percaya banyak kerja-kerja boleh diselaras-kan dalam negara kita dan dapat disiapkan lekas dan begitu juga mereka bolehlah diletakkan bekerja untuk mengambil alih beberapa tempat pegawai-pegawai yang penting. Tambahan pula dengan kelulusan, kemahiran dan kepakaran mereka dalam ilmu pengetahuan undang-undang, saya percaya rakyat jelata akan mempunyai lebih kepercayaan kepada mereka dan oleh sebab mereka masih muda tentu memikirkan masa depan mereka kalau mereka membuat sesuatu yang tidak betul rasuah misalnya, waktu dalam bekerja iaitu dalam masa yang singkat mereka takut masa hadapan mereka akan tercemar dan juga boleh jadi nama mereka itu akan di "struck-off the Bar" dalam bahasa legalnya. Jadi inilah satu cara yang saya percaya kalau pihak Timbalan Menteri pada hari ini bersetuju dengan pendapat saya mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Kehakiman iaitu segala peguam kita seperti doktor-doktor, kenapa doktor boleh diadakan national service, kenapa tidak peguam memandangkan keadaan negara kita yang sedang diancam daripada segi keselamatan

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Kalau peguam itu sudah lanjut umurnya? Ini untuk peguam-peguam yang muda sahaja-kah?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Peguam-peguam yang muda sahaja. Mereka yang sudah lanjut umur seperti Tuan Pengerusi saya ingat bolehlah pencen.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila teruskan.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, dengan adanya undang-undang ini kelak negara kita dapat menjalankan keadilan dengan lebih lancar dan licin dan dengan sendirinya akan berkuranganlah jenayah dan rasuah serta malapetaka yang dilakukan oleh manusia-manusia yang ada di dalam negara kita yang aman dan damai ini.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh masaalah B.S.N. Ramai sahabat saya telah bercakap, tetapi saya hendak bercakap daripada segi lain iaitu cara perkhidmatan B.S.N. Kalau tak salah saya, saya difahamkan syarat-syarat perkhidmatan di Jabatan itu secara closed service. Ini saya tak bersetuju. Saya percaya closed service itu tak berkesan kerana manusia yang bekerja itu bukannya malaikat, tetapi manusia biasa. Saya mencadangkan supaya sistem pentadbiran yang awal-awal sewaktu Hakim Harun Hashim dahulu dihidupkan semula. Itulah pandangan saya daripada segi kedudukan perkhidmatan B.S.N. kalau kita mahu Jabatan itu lebih berkesan kerana ada bukti-bukti seorang pegawai dalam closed service daripada muda sampai ke tua menjadi pegawai B.S.N. Sebagai pegawai B.S.N. apakah nasib masa hadapan mereka apabila sudah pencen? Adakah orang ramai akan suka kepada mereka? Di mana kedudukan pegawai-pegawai B.S.N. dalam closed service ini untuk masa hadapan mereka? Maka dengan sebab itu saya mencadangkan dibatalkan cara closed service ini dan dihidupkan semula sistem yang diadakan sewaktu zaman Hakim Harun Hashim dahulu dengan kuasa-kuasanya tanpa perubahan seperti yang dijalankan sekarang.

Ketiga, oleh sebab masaalah Pentadbiran Ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri yang ada sekarang dalam Wilayah Persekutuan, saya mengucapkan tahniah dan lebih-lebih lagi di atas perkara kursus bahasa Arab yang hendak dilaksanakan. Ini sangatlah baik kerana kalau ramai pegawai-pegawai yang pandai bahasa Arab senanglah kita hendak berkunjung ke Timur Tengah dan boleh mendapat pelaburan daripada Timur Tengah datang ke negara kita, sebab kita selalu komplek kenapa orang Arab tak suka dengan orang Malaysia. Boleh jadi kerana kita tak pandai bahasa Arab.

Mengenai kursus dakwah yang akan diadakan kepada pejabat-pejabat sangatlah baik. Saya sangat bersetuju kerana ini akan dapat menolong pegawai-pegawai muda yang ada pada hari ini, bukan semuanya, ada di antara mereka itu yang telah terkorban kerana peralihan selepas kemerdekaan dahulu. Mereka itu dahulu sewaktu negara kita merdeka berumur 7—8 tahun, dalam bangku sekolah, ibubapa mereka sibuk, terlupa hendak mengajar agama pada mereka dan pada hari ini mereka telah mempunyai pelajaran tinggi dan kedudukan penting di pejabat-pejabat Kerajaan, tetapi latar-belakang pelajaran agamanya kurang. Walhal mereka ini memainkan peranan penting dalam khalayak orang ramai. Orang ramai sentiasa mengharapkan panduan dan buah fikiran mereka. Jadi, kalau dakwah Islam dapat dihidupkan di kalangan pegawai-pegawai saya sangat bersetuju dan saya harap pegawai-pegawai Kerajaan akan mengambil kesempatan dalam usaha baik Jabatan Ugama Islam di Wilayah Persekutuan yang akan menjalankan dakwah.

Satu perkara lagi berkenaan dakwah ini juga saya rasa elok diadakan di bangunan Parlimen ini dahulu iaitu Dewan ini menghormati waktu sembahyang Asar, kita berhenti sekejap selama 15 minit untuk menghormati perintah ugama Islam, dan supaya Ahli-ahli Dewan ini dapat berihat untuk menunaikan sembahyang Asar. Mudah-mudahan dakwah ini berjalan mulai peringkat yang sehabis-habis mulia iaitu di Parlimen ini dan saya mencadangkan tiap-tiap waktu sembahyang Asar kita mesti berhenti sekejap, selama 15 minit supaya Ahli-ahli Dewan yang Islam boleh keluar menunaikan sembahyang. Siapa yang tak mahu sembahyang itu dia punya fasallah.

Satu perkara lagi, saya sangat tertarik hati mengenai muka surat 73—Pengurusan Bangunan-bangunan Kerajaan (c) Tindakan terhadap pesara-pesara yang masih lagi menduduki rumah Kerajaan:

Pesara yang terlibat ... 45 orang

Bilangan yang telah dibawa ke Mahkamah ... 4 orang.

Perkara ini tidaklah wajar kerana apabila Kerajaan sudah benarkan menduduki rumah Kerajaan, kemudian diambil tindakan mahkamah menghalau dia keluar. Apakah tujuan undang-undang Kerajaan kita, adakah

mereka yang menduduki quarters itu hendak menjadikan harta-pesaka untuk keturunan mereka? Ini selalu menimbulkan kekacauan kerana masalah rumah Kerajaan pada hari ini terlalu kekurangan. Banyak pegawai menyewa ke sana ke mari, rupanya perkara ini banyak berlaku. Jadi, saya berharap pihak Kerajaan kita bertindak tegas dalam perkara ini.

Akhirnya, masalah pendaftaran Pilihanraya. Saya minta perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu peruntukan yang ada di sini nampaknya bertambah dari setahun ke setahun tetapi untuk tahun 1976 adalah kurang.

1975	...	...	...	\$1.5 juta
1976	...	...	...	\$1.4 juta.

Walhal mengikut prestasi muka surat 37 (i) (b) (vi) Melengkapkan alamat penuh pemilih-pemilih untuk menyenangkan perhubungan. Ini satu perkara yang sangat baik kerana sistem yang dijalankan apabila mengadakan pendaftaran pemilih pada hari ini adalah tidak betul. Membolehkan orang menipu dan mengambil kesempatan. Kerana pegawai-pegawai itu menunggu daripada satu pusat dan mengharap orang ramai datang mendaftar. Walhal di zaman permulaan dahulu sangat efektif yang mana pegawai-pegawai pergi daripada satu rumah ke satu rumah. Cara yang dijalankan sekarang ini orang boleh menyalahgunakan kuasa yang ada pada dia, misalnya, seorang yang duduk dalam satu kawasan A, tetapi oleh sebab tak ada kuasa boleh menahan mereka sekarang, mereka boleh mendaftar nama dalam kawasan B, walaupun dia tidak tinggal di sana, tetapi dengan menggunakan sesuatu alamat yang mereka rasai selamat di situ dengan sesuatu tujuan yang tertentu, tujuan politik dan sebagainya. Jadi, saya berharap pihak Timbalan Menteri berkenaan dapat mengambil perhatian di atas perkara ini dan saya mencadangkan juga masalah pendaftaran pilihanraya ini, sebab perkara ini penting, kedudukan pilihanraya menentukan negara kita. Saya mencadangkan pendaftaran rasmi pada tiap-tiap orang seperti pendaftaran kad pengenalan supaya tidak boleh berubah tempat, kalau mereka hendak pindah, berubah ke tempat lain, bolehlah dikeluarkan kad baru. Itulah satu cara yang selamat.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Menurut pengumuman yang diberi oleh Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua; saya juga dengar tadi, saya dukacita tak dapat beri peluang lagi. Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Pengerusi, saya sukalah bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah dimajukan dalam Dewan semasa perbincangan di peringkat Jawatankuasa berkenaan Jabatan-jabatan dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Kesemua yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian yang sewajarnya dalam perlaksanaannya nanti.

Terlebih dahulu saya suka menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan kehilangan dokumen Essential Powers Ordinance (No. 1), 1969. Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan, di antara lain, bahawa beliau terperanjat bila mengetahui bahawa dokumen itu telah hilang dan memandangkan kepada lain-lain kehilangan dokumen Kerajaan, iaitu kehilangan fail-fail di Pejabat R.I.M.V. akibat satu kebakaran dan kehilangan kertas-kertas M.C.E., satu penyiasatan (enquiry) patutlah diadakan.

Saya suka menyatakan bahawa kita patutlah mengambil pertimbangan (appreciate) keadaan huru-hara yang terdapat pada masa Ordinan itu dibuat berikutan daripada peristiwa 13hb Mei yang memerlukan tindakan serta-merta oleh Kerajaan untuk mengistiharkan keadaan darurat (emergency) di negara kita bagi menjamin keselamatan awam, mempertahankan negara, memelihara ketenteraman awam serta juga keperluan-keperluan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang mustahak kepada kehidupan rakyat waktu itu. Ini adalah merupakan tanggungjawab utama bagi sesebuah Kerajaan. Jentera pentadbiran pada masa itu tidak dapat berjalan secara biasa dan sesiapa sahaja yang terdapat (available) pada masa

itu telah digunakan untuk menggubal, menaip dan mengambil lain-lain tindakan yang perlu dan akhirnya menghantarnya kepada Pencetak Kerajaan (Government Printer) untuk dicetak dan diterbitkan. Adalah sukar pada masa ini untuk mengingatkan kembali siapakah yang telah ditugaskan untuk mengambil tindakan-tindakan pada tiap-tiap peringkat dalam menghasilkan Ordinan yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyatakan bahawa adalah mustahil dan memeranjatkan Ordinan yang begitu mustahak dan penting boleh hilang sedangkan Ordinan-ordinan yang lain dapat dikesan. Bagi menjawabnya, saya suka lah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Ordinan-ordinan yang dibuat dalam keadaan biasa di mana jentera pentadbiran berjalan seperti biasa. Ordinan-ordinan itu adalah disimpan dengan selamatnya.

Apa yang patut diingati oleh kita semua sungguhpun keadaan yang terdapat pada beberapa hari yang pertama peristiwa 13hb Mei itu adalah keadaan yang huru-hara, tetapi Kerajaan dapat menyediakan Ordinan-ordinan yang penting itu untuk mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menjamin keselamatan awam, mempertahankan negara, memelihara ketenteraman awam serta juga keperluan-keperluan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang mustahak dengan kehidupan rakyat demi menjaga kepentingan rakyat dan negara.

Berkenaan dengan kehilangan fail-fail di Pejabat R.I.M.V. akibat satu kebakaran, saya difahamkan bahawa pihak Polis telah pun menjalankan siasatan dan mendapati bahawa tiada ada perbuatan khianat (foul play) yang disyaki. Saya juga difahamkan bahawa Jabatan yang berkenaan telah pun mengambil langkah-langkah menjaga keselamatan bangunan dan dokumen-dokumen daripada bahaya kebakaran dan sebagainya.

Berkenaan dengan kehilangan kertas-kertas M.C.E., saya rasa kenyaatan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran cukup ternyata kepada semua orang mengenai kedudukannya.

Oleh yang demikian, cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu supaya diadakan satu penyiasatan (enquiry) adalah difikirkan tidak perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput menyentuh masaalah kelewatan pembayaran pencen kepada pesara-pesara. Dalam hal ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa mengkaji dan mencari jalan supaya masaalah kelewatan (delay) ini dapat dikurangkan lagi.

Walau bagaimanapun, kelewatan ini hanya merupakan 1% daripada bilangan semua pesara dan bukan merupakan sebilangan besar pesara-pesara seperti yang didakwakan. Sungguhpun begitu Kerajaan mengambil berat atas berlakunya kelewatan ini dan telah pun megarahkan pihak yang bertanggungjawab, baik di peringkat Persekutuan dan Negeri menyediakan kertas-kertas pencen dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya kelewatan itu dapat dielakkan.

Berkenaan dengan cadangannya supaya komputer digunakan untuk memproseskan kertas pencen, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah memberi cadangan iaitu supaya Majlis Keselamatan Negara (M.K.N.) mengkaji ancaman keselamatan dari pihak komunis, termasuk ancaman gerila-gerila di bandar (urban guerillas) kajian itu hendaklah dijalankan secara mendalam.

Sebenarnya Majlis Keselamatan Negara memang mengkaji tiap-tiap ancaman keselamatan, mahupun ancaman yang terbit daripada kegiatan pengganas komunis ataupun ancaman dari punca-punca lain sedalam-dalamnya dan dengan teliti sebelum membuat taksiran dan mengambil tindakan.

Kajian ini dijalankan bukan sahaja oleh Majlis Keselamatan Negara tetapi juga oleh pihak-pihak lain, terutamanya pihak Polis dan Angkatan Tentera.

Kajian yang mendalam dijalankan oleh pihak-pihak ini sebab Kerajaan sedar bahawa perancangan langkah-langkah tindak balas yang berkesan terhadap ancaman-ancaman ini bergantung terutamanya atas penyelidikan yang mendalam ke atas ancaman-ancaman itu.

Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka terhadap sikap Kerajaan yang kononnya menganggap orang-orang China di Malaysia sentiasa disyaki sebagai

anasir-anasir komunis, sukalah saya tegaskan di sini, bahawa Kerajaan tidak menganggap seluruh masyarakat China sebagai komunis. Malahan Kerajaan tahu sebahagian besar dan majoriti daripada rakyat Malaysia keturunan orang China di Malaysia adalah mereka yang taat setia dan tidak berpihak kepada pihak komunis. Hanya segolongan kecil sahaja antara mereka yang menyokong pihak komunis.

Seterusnya dalam masaalah yang sama Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soal bahawa Kerajaan tidak harus berpendapat yang masaalah keselamatan begitu rumit pada masa sekarang ini hanya diatasi cuma dengan membesarkan pasukan keselamatannya. Apa yang perlu ialah tindakan untuk memenangi hati dan fikiran rakyat.

Seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa Kerajaan juga akan memberi keutamaan kepada keperluan dan pentingnya memenangi hati dan fikiran rakyat dalam stratijanya untuk mengatasi ancaman penganas komunis dan anti-nasional, kerana Kerajaan sedar bahawa musuh tidak akan berjaya selagi mereka tidak mendapat sokongan rakyat.

Tetapi stratiji menentang insurgency yang berkesan memerlukan langkah-langkah tindak balas diambil dalam berbagai bidang, dan satu daripada bidang itu ialah mengadakan satu Pasukan Keselamatan yang berdisiplin; berani yang mempunyai kekuatan dan kebolehan yang cukup untuk menentang ancaman komunis, ataupun ancaman antinasional atau anti-negara.

Negara yang tidak memberi kepentingan yang sewajarnya bagi mengadakan pasukan pertahanan yang kukuh bagi menentang sesuatu ancaman bersenjata terhadapnya nescaya akan menjadi mangsa kepada ancaman itu. Kita di Malaysia akan mengambil segala tindakan supaya kita memenangi peperangan tentera dan memujuk hati dan sokongan rakyat yang berbilang bangsa.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyentuh beberapa persoalan keselamatan juga. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu termasuklah:

(a) Penjenayah-penjenayah hendaklah dihukum mati.

(b) Tindakan tegas perlu diambil terhadap kakitangan Kerajaan yang membocor rahsia Kerajaan.

(c) Jika operasi dilancarkan jangan heboh-hebohkan. Operasi hendaklah dijalankan dengan senyap-senyap. Apabila operasi sudah selesai baru diumumkan. Kalau diumumkan terlebih dahulu peluang dan hasilnya hilang.

Peruntukan undang-undang mengenai perbuatan jenayah yang sedia ada didapati sesuai dan memadai buat masa sekarang. Undang-undang ini memperuntukkan hukuman-hukuman yang berat bagi perbuatan-perbuatan jenayah yang besar dan ringan bagi perbuatan-perbuatan jenayah yang tidak serious.

Walau bagaimanapun, jika keadaan memerlukan kelak, Kerajaan tidak akan teragak-agak meminda undang-undang yang ada pada masa ini dengan tujuan menguatkan lagi tindakan yang dapat diambil terhadap penjenayah-penjenayah seperti yang telah dijalankan oleh Kerajaan pada ketika- ketika tertentu dalam masa-masa sudah—umpamanya Akta Senjatapi (Hukuman Lebih Berat), 1971.

Saya juga menyeru rakyat memberi kerjasama kepada pihak Polis dan pihak berkuasa lain yang lebih lagi supaya Kerajaan dapat mematahkan usaha-usaha jahat yang mahu merosakkan keamanan negara.

Tindakan tegas memang diambil terhadap kakitangan Kerajaan yang membocorkan rahsia Kerajaan. Tindakan ini diambil di bawah Akta Rahsia Resmi, 1972, menurut yang mana hukuman maksima ialah penjara tujuh tahun atau denda \$10 ribu ataupun penjara dan denda kedua-duanya. Pihak berkuasa keselamatan tidak mengumumkan langkah-langkah keselamatan yang diambil olehnya terlebih dahulu kecuali jika didapati perlu untuk kepentingan awam dibuat demikian.

Cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus meminta pihak berkuasa menyelidik perangkaan (statistics) mengenai penganas-penganas kominis untuk menentukan kaum manakah yang lebih menjadi anggota kominis. Kemudian kaji mengapa pula kaum ini memasuki pertubuhan kominis dan mendapat sokongan dari kaum yang

sama yang merupakan orang-orang kaya yang tinggal di bandar. Beliau menyeru tindakan yang tegas diambil terhadap anasir-anasir, dan orang-orang kaya yang menolong komunis dan anti-negara ini.

Perangkaan mengenai pengganas komunis yang ada pada Kerajaan menunjukkan bahawa sebilangan besar dari anggota-anggota pertubuhan komunis terdiri daripada satu kaum, iaitu kaum China. Namun demikian, sebahagian besar rakyat China di negara ini tidak menyokong pihak komunis dan tetap taat setia kepada negara ini.

Di samping itu ada juga orang-orang Melayu dan India yang menjadi ahli pertubuhan komunis, walaupun bilangan mereka orang Melayu dan India ini adalah kecil jika dibandingkan dengan orang-orang keturunan China. Dengan yang demikian masalah komunis di negara ini tidak boleh dikatakan masalah kaum China semata-mata, dan begitu juga langkah-langkah tindakbalas Kerajaan tidak boleh ditujukan kepada satu kaum sahaja. Ianya perlu disasarkan

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Pengerusi, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada perhatian yang diberi oleh Yang Berhormat dari Tumpat.

Ianya perlu ditujukan kepada semua yang menjadi pengganas komunis atau penyokong mereka, tidak mengira bangsa dan keturunan seperti dalam melawan komunis kita juga memerlukan sokongan dari semua bangsa dan keturunan.

Bagi mereka iaitu komunis dan orang-orang yang membantunya Kerajaan memang bersikap keras dan bertindak di bawah peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975. Bagi pengganas komunis yang tidak meninggalkan perjuangan haram mereka, dan juga pembantu-pembantu mereka hukuman maksima ialah hukuman mati, dan Kerajaan tidak akan teragak-agak mengenakan hukuman ini dalam keadaan yang memerlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor bertanya kenapakah Pejabat-pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak masih perlu diadakan lagi dan masanya telah sampai untuk dikajikan kembali. Dalam hal ini, suka saya nyatakan bahawa walaupun penubuhan kedua pejabat ini dahulu untuk di peringkat awal sahaja tetapi adalah difikirkan yang pada masa sekarang ini masih kita memerlukan kedua pejabat itu kerana beberapa faktor dan tugas-tugas yang dilaksanakan sekarang, antaranya:

- (i) Menjaga soal-soal ketenteraman awam, perkhidmatan dan perjawatan Jabatan-jabatan Persekutuan di Sarawak dan Sabah soal penyelarasan dan lain-lain;
- (ii) Adalah diharapkan yang dengan ujudnya kedua Jabatan ini akan membawa kesan yang lebih lagi kearah integrasi (integration) di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (iii) Memudahkan perhubungan dan penyelesaian masalah-masalah perkhidmatan dan perjawatan Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dan Sarawak yang mana tidaklah payah ke Kuala Lumpur untuk menyelesaikannya. Umpamanya soal cuti rehat, cuti keluar negeri, pengambilan kakitangan, kenaikan pangkat, pencen dan lain-lain lagi.

Oleh itu adalah difikirkan perlu ujudnya kedua Jabatan itu pada masa ini. Walau bagaimanapun, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu mungkin akan dikaji apabila tiba masanya nanti.

Berkaitan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen di bawah Kepala B.—1 Parlimen dalam soal pagar, kantin dan salinan bercetak Penyata Rasmi Parlimen, suka saya menjelaskan seperti berikut:

(a) Pagar

Peruntukan sebanyak \$85,000 telah pun diluluskan untuk memagari Bangunan Parlimen dan J.K.R. sedang menguruskannya dan diharap pagar ini akan siap sebelum sidang akan datang.

(b) *Kantin*

Perkara ini akan diambil ingatan dan akan disiasat dengan teliti oleh kerana kantin ini adalah merupakan satu tempat yang digunakan oleh semua lapisan masyarakat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

(c) *Salinan Bercetak Penyata Rasmi Parlimen*

Kelewatan membekalkan salinan bercetak Penyata Rasmi Parlimen adalah disebabkan oleh urusan-urusan mencetak yang banyak oleh Pencetak Kerajaan. Walau bagaimanapun Pencetak Kerajaan akan diminta supaya menguruskan perkara ini dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Rukun Tetangga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya sukaiah mengatakan di sini bahawa sehingga hari ini sambutan dari rakyat terhadap Rancangan Rukun Tetangga ini sangatlah menggalakkan dan memuaskan malahan di luar dari ramalan Kerajaan sendiri. Sambutan yang baik ini membolehkan pelancaran Rukun Tetangga jika kita mahu dibuat tiap-tiap hari di seluruh negara. Sambutan yang begini telah membuktikan bahawa rancangan Rukun Tetangga ini diterima baik dari semua rakyat daripada berbagai bangsa dan lapisan. Tetapi pelancarannya akan dijalankan peringkat demi peringkat sehingga meliputi seluruh negara.

Kawasan-kawasan yang telah menubuhkan Rukun Tetangga dan telah diisytiharkan telah mendapat kesan yang sangat berfaedah dan efektif kepada penduduk di kawasan itu terutama sekali dari segi keselamatan.

Kejadian-kejadian jenayah terutama di-segi kecurian telah menjadi kurang malahan tidak terdapat lagi di dalam kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai Sektor Rukun Tetangga.

Menerusi Rancangan Rukun Tetangga rakyat digembelangkan dalam usaha menjaga keselamatan dan mengekalkan keamanan negara dan kebajikan rakyat. Penglibatan dan penyertaan setiap rakyat bukan sahaja dapat menjaga keselamatan

tetapi Rancangan Rukun Tetangga ini juga adalah satu cara bagi memperkukuhkan lagi perasaan persefahaman dan perpaduan serta perasaan kejiranan di antara semasa manusia, sesama mereka yang berbilang kaum, bangsa dan agama di negara ini.

Undang-undang Peraturan Perlu (Rukun Tetangga), 1975 ini digubal di bawah Ordinan Dharurat (Kuasa-kuasa Perlu), 1969 semata-mata untuk memastikan penyertaan yang adil dan menyeluruh dari semua penduduk negara ini tanpa mengira pangkat dan darjat mereka, samada mereka menteri atau executive, buruh ataupun ahli perniagaan.

Kerajaan mahu semua rakyat turut berganding bahu mengembeling usaha dan tenaga bagi menjayakan rancangan Rukun Tetangga ini. Penyertaan setiap warganegara dan penduduk dalam rancangan ini adalah satu cara membuktikan kepada negara ini taat setia kita.

Saya menyeru semua rakyat menyertai Rukun Tetangga kerana ia adalah participation rakyat menjaga keselamatan kampung halaman dan negara yang boleh dianggapkan a sort of National Service. Rukun Tetangga adalah nonpartisan—ia ditubuhkan untuk semua rakyat. Hanya ia adalah satu pertubuhan yang really multi-racial and an all-Malaysian organisation.

Tuan Pengerusi, peruntukan \$10,000 yang diberi kepada Ahli Parlimen, sebenarnya adalah peruntukan projek-projek kecil yang sebelum daripada ini dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Untuk mengurangkan beban beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat keputusan supaya peruntukan ini diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen di atas budibicara beliau sendiri. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ini adalah satu "administrative arrangement" sahaja dan bukanlah satu perkara yang tercatat di dalam mana-mana undang-undang di mana Ahli-ahli Parlimen boleh membuat tuntutan. Oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bertanggungjawab di atas kelicinan perbelanjaan ini, maka nescayalah peruntukan-peruntukan yang ada itu diberi kepada ahli-ahli di bawah parti pemerintah sahaja.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tentang perkara berkaitan dengan program perancang keluarga, saya suka menyatakan bahawa matlamat jangka panjang program perancang keluarga ialah untuk mengurangkan kadar pertumbuhan (growth rate) kepada 2% pada tahun 1985 atau kadar kelahiran (birth rate) kepada 26 bagi tiap-tiap 1,000 penduduk.

Bagi mencapai kadar pertumbuhan ini seramai 535,000 orang penduduk telah dianggarkan untuk menjadi penerima perancang keluarga. Dari jumlah anggaran bakal penerima ini, Lembaga Perancang Keluarga Negara bersama-sama dengan agensi-agensi yang turut serta dalam rancangan ini, seperti Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga, Klinik-klinik Integrasi FELDA, Kampung-kampung Baru, Estet dan Doktor-doktor Persendirian, telah berjaya mencapai 57% daripada matlamat di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Walau bagaimanapun, daripada satu kajian yang baru sahaja dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara dengan Jabatan Perangkaan (1974) telah ditaksirkan bahawa penerima-penerima daripada punca-punca yang tidak berkaitan dengan Lembaga Perancang Keluarga Negara telah membantu mendapatkan 25% daripada jumlah penerima-penerima. Dari itu kadar kejayaan keseluruhannya ialah sebanyak 82%. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa program perancang keluarga patut diperhebatkan di kawasan-kawasan luar bandar juga di dalam bandar-bandar.

Pada masa ini usaha-usaha untuk menghebatkan lagi perancang keluarga di luar bandar sedang dijalankan dengan memperbaiki kemudahan-kemudahan dan menambah bilangan kakitangan untuk memberi perkhidmatan yang lebih dan baik lagi. Dalam pada itu program ini juga sedang diperhebatkan di bandar-bandar besar terutama sekali di kawasan-kawasan setinggan (squatters) dan kawasan-kawasan di mana penduduk-penduduk terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu untuk menukarkan nama Lembaga, saya ingin memaklumkan bahawa Lembaga Perancang Keluarga Negara memangpun sedang berusaha mencari nama yang lebih sesuai dan lebih menarik lagi serta boleh diterima untuk menggantikan nama yang ada sekarang ini.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh sekali lagi dengan hebatnya berkenaan dengan masalah rasuah dalam negara ini. Perkara dan masalah rasuah dan penjelasan mengenai cara-cara membasminya telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dalam Dewan ini pada 20hb November, 1975. Oleh yang demikian, saya kira tidaklah perlu lagi untuk saya menjelaskannya.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang supaya Kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh semua parti dan dipengerusikan oleh Yang Amat Arif Hakim Harun Hashim, sukalah saya tegaskan bahawa Kerajaan belum mempunyai cadangannya untuk menubuhkan jawatankuasa itu. Undang-undang dan peraturan berkaitan dengan cara menyiasat kes-kes rasuah adalah mencukupi pada masa sekarang ini.

Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang bahawa Kerajaan mempunyai kepercayaan yang penuh kepada Biro Siasatan Negara terutama sekali Ketua Pengarahnya. Oleh itu cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa semua parti untuk menyiasat kedudukan Biro Siasatan Negara (B.S.N.) itu tidaklah difikirkan perlu.

Berkenaan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Parit mengikut Anggaran 1976 kekosongan Perguruan pada tahun 1976 ialah 4,000-5,000. Adakah bilangan ini termasuk Guru-guru Ugama? Angka yang sebenarnya kekosongan bagi tahun 1976 adalah 8,000 tidak 4,000-5,000 dan bilangan ini adalah termasuk Guru-guru Ugama yang berjumlah semuanya 105 orang.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah membangkitkan soal pendaftaran pemilihan yang telah diadakan pada tahun ini dan menyentuh tentang pekerja-pekerja sambilan yang telah diambil bertugas dalam mana beliau mendapati ada di antara mereka yang tidak menjalankan tugas-tugasnya. Dalam hal ini ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menyentuh perkara ini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat mengelakkan mengambil atau melantik pekerja-pekerja sambilan bagi menjalankan tugas-tugas pendaftaran pemilihan kerana tempoh pendaftaran adalah begitu

sengkat dan dengan demikian tidak mungkin ada mereka yang ingin bekerja sepanjang masa semata-mata untuk menjalankan tugas-tugas pendaftaran. Ini adalah disebabkan elaun yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang berkenaan difikirkan tidak mencukupi sekiranya mereka bertugas sepanjang masa.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa ada di antara Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran tidak menjalankan tugas-tugas mereka, ini mungkin boleh berlaku kerana dalam tempoh pendaftaran yang baru lalu Suruhanjaya Pilihanraya telah melantik seramai lebih daripada 4,200 orang Penolong Pegawai Pendaftaran dan mungkin ada beberapa orang daripada mereka yang telah tidak menjalankan tugas-tugas mereka dengan memuaskan. Walau bagaimanapun Suruhanjaya Pilihanraya telah mengambil ingatan akan perkara seumpama ini dan mereka yang didapati cuai menjalankan tugas tidak akan dipilih atau dilantik pada masa hadapan.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa orang ramai tidak mengetahui siapa Pegawai Pendaftaran mereka adalah tidak benar kerana Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menyiarkan perkara ini dalam akhbar-akhbar tempatan dan Warta Kerajaan. Di samping itu orang ramai boleh memperoleh nama-nama Penolong Pegawai Pendaftaran bagi yunit-yunit pendaftaran mereka daripada Pegawai-pegawai Pendaftaran yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya Guru-guru Besar dilantik menjadi Penolong Pegawai Pendaftaran. Dalam hal ini ingin saya terangkan bahawa pengambilan Guru-guru Besar sebagai pekerja-pekerja pendaftaran boleh dipertimbangkan kerana apa yang penting bagi mereka itu hendaklah terdiri daripada orang-orang tempatan dan bermastautin di yunit pendaftaran yang berkenaan. Ini ialah untuk menyenangkan mereka menjalankan tugas-tugas pendaftaran kerana orang-orang setempat akan lebih mengetahui akan keadaan di tempat mereka.

Mengenai mengadakan tempoh pendaftaran dalam cuti sekolah pula ini mungkin tidak dapat dilaksanakan kerana sebelum satu-satu tempoh pendaftaran itu ditetapkan. Suruhanjaya Pilihanraya terpaksa mengambil

perhatian terhadap beberapa perkara termasuk penyediaan daftar-daftar pemilih untuk digunakan dan perlantikan kakitangan pendaftaran bagi menjalankan tugas-tugas tersebut dan lazimnya perkara ini tidak "coincide" dengan cuti sekolah.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa mereka yang telah memohon menjadi pemilih tidak dapat melihat nama mereka dalam daftar pemilih adalah tidak benar kerana orang ramai boleh menyemak nama-nama mereka selama 14 hari apabila rang daftar pemilih-pemilih dipamirkan dan tempoh pamiran selalunya disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan dan Warta Kerajaan di samping pengumuman-pengumuman dalam radio dan talivisyen. Sekiranya dalam tempoh pamiran itu mereka mendapati nama mereka tidak ada dalam daftar pemilih maka mereka bolehlah membuat tuntutan kepada Pegawai Pendaftaran yang berkenaan supaya nama-nama mereka dimasukkan dalam daftar-daftar tersebut.

Saya juga ingin mengulaskan tentang teguran Ahli Yang Berhormat mengenai Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran yang melawat dari rumah ke rumah dan memotong nama-nama pemilih sekiranya pemilih-pemilih yang berkenaan tidak ada di rumah. Saya ingin menegaskan di sini bahawa perkara seumpama ini tidak akan diambil lagi kerana mulai tahun ini Suruhanjaya Pilihanraya telahpun memutuskan supaya lawatan dari rumah ke rumah itu tidak dijalankan. Sebaliknya Suruhanjaya Pilihanraya telah memutuskan supaya segala aktiviti-aktiviti pendaftaran dan penyemakan daftar-daftar pemilih dijalankan di tempat yang tertentu (static centres). Dalam hal ini sukacita saya memaklumkan bahawa sebanyak lebih daripada 4,600 pusat pendaftaran telah diadakan sepanjang tempoh pendaftaran yang baru lalu untuk membolehkan orang ramai mendaftar dan menyemak nama-nama mereka di tempat-tempat yang tersebut.

Soal Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran melawat dari rumah ke rumah seringkali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat masih tidak atau kurang memahami bahawa tujuan lawatan itu sebenarnya ialah untuk menyemak nama-nama pemilih yang ada dalam daftar pemilih

dan bukannya untuk mendaftar pemilih-pemilih baru. Walau bagaimanapun, sekiranya semasa lawatan itu ada mereka yang ingin mendaftar maka Penolong Pegawai Pendaftaran akan menerima permohonan mereka itu. Walau bagaimanapun tujuan ini telah disalah-anggapkan oleh setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga orang ramai yang menyangka bahawa lawatan tersebut bertujuan untuk mendaftar pemilih-pemilih baru. Ini adalah salah.

Walaupun bagaimanapun, sebagaimana yang saya terangkan tadi dari tahun ini Suruhanjaya Pilihanraya telah memutuskan supaya nama-nama pemilih yang sedia terdaftar akan hanya dipotong daripada daftar-daftar pemilih sekiranya pemilih yang berkenaan memberitahu bahawa dia telah berpindah atau Suruhanjaya Pilihanraya mendapat maklumat daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan bahawa pengundi atau pemilih itu telah mati atau telah dipenjarakan atau ditahan di Rumah Sakit Otak dan sebagainya. Dengan peraturan yang baru ini maka tidak perlu lagi Penolong Pegawai Pendaftaran pergi dari rumah ke rumah untuk menyemak samada seseorang pemilih itu masih tinggal di situ atau tidak.

Mengenai teguran bahawa mengadakan urusan pendaftaran pemilih dalam bulan puasa adalah tidak sesuai, ini mungkin ada kebenarannya tetapi Suruhanjaya Pilihanraya telah menetapkan tempoh tersebut bagi mengelakkan musim tengkujuh yang lazimnya berlaku pada bulan November dan Disember. Tambahan pula Suruhanjaya telah memikirkan masa yang telah ditetapkan bagi pendaftaran tersebut adalah agak sesuai kerana orang-orang beragama Islam masih boleh meluangkan sedikit masa dari pukul 4.30 hingga 6.30 petang dari hari Isnin dan Jumaat, dari pukul 2.30 petang hingga 6.30 petang pada hari Sabtu dan dari pukul 9 pagi hingga 4 petang pada hari Ahad untuk mendaftar. Selain daripada itu hanya separuh daripada tempoh pendaftaran itu diadakan dalam bulan puasa. Perlu ditegaskan di sini bahawa segala kemudahan dalam bentuk mengadakan pusat-pusat pendaftaran publisiti dan penerangan telah diberi kepada orang ramai dalam tempoh pendaftaran supaya mereka datang mendaftar tetapi sekiranya mereka tidak mahu mendaftar maka Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat berbuat apa-apa kerana soal pendaftaran adalah tidak dipaksa (not compulsory).

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas tegurannya supaya proses demokrasi dijaga dengan baik dan di sini ingin saya menegaskan bahawa adalah menjadi dasar Suruhanjaya Pilihanraya untuk menentukan bahawa proses tersebut dipelihara dengan ertikata yang sebenarnya.

Mengenai soal pendaftaran pemilih dan pekerja-pekerja sambilan, perkara ini telah pun saya jelaskan ketika mengulas teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput tadi.

Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya sebenarnya "is not interested to register the voters", ini adalah satu tuduhan yang agak melulu kerana Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa memberi kemudahan-kemudahan kepada orang ramai untuk mendaftar seperti mengadakan tempat-tempat pendaftaran, memberi publisiti dan penerangan mengenai pendaftaran, tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi sekiranya orang ramai sendiri tidak mahu mendaftar, maka Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat berbuat apa-apa soal ini seperti saya katakan tadi adalah tidak "compulsory." Cara pendaftaran di sini adalah dijalankan secara voluntary.

Mengenai mengadakan pendaftaran sepanjang tahun, perkara ini telah pun dijelaskan dalam sidang yang lepas dan dalam sidang ini dalam mana telah dinyatakan bahawa tidak banyak faedahnya mengamalkan sistem pendaftaran sepanjang tahun ini dan oleh yang demikian saya tidak berhajat untuk mengulas lebih panjang lagi mengenainya.

Saya terpaksa bercakap panjang berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya ini oleh kerana nampak minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat baik daripada parti Pembangkang ataupun parti pemerintah sangat baik dan saya harap dengan penjelasan yang panjang lebar ini, Ahli-ahli Yang Berhormat akan lebih memahami perkara-perkara yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk membolehkan seramai-ramai rakyat supaya menjadi pengundi dan menggunakan hak mereka memilih Kerajaan pada masa yang akan datang.

Mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus bahawa sistem pendaftaran cara baru yang diamalkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah tidak memuaskan kerana

terdapat tempat-tempat pendaftaran yang berjauhan daripada orang ramai, ingin saya sebutkan di sini bahawa adalah menjadi tujuan Suruhanjaya mengadakan pusat pendaftaran di tempat yang mudah dikunjungi oleh orang ramai. Dalam hal ini sebanyak lebih daripada 4,600 pusat pendaftaran di seluruh Malaysia telah diadakan dan sekurang-kurangnya satu pusat pendaftaran di tempatkan di tiap-tiap satu kawasan. Walau bagaimanapun, mungkin ada beberapa pusat pendaftaran yang terletak agak jauh kerana didapati tidak ada bangunan yang sesuai dijadikan pusat pendaftaran dan kedudukan pusat-pusat seperti ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa dalam pilihanraya umum yang baru lepas ramai orang yang tidak dapat mengundi, ini mungkin kerana mereka itu tidak mendaftar pada mulanya dan itulah sebabnya nama mereka tidak ada dalam daftar pemilih. Bagi mereka yang sudahpun mendaftar tetapi masih mendapati namanya tidak ada dalam daftar, sebagaimana yang saya terangkan tadi, Suruhanjaya Pilihanraya mulai tahun ini telah memutuskan supaya tidak memotong nama-nama pemilih yang sedia berdaftar kecuali si pemilih yang berkenaan memberitahu yang beliau telah berpindah alamat atau Suruhanjaya Pilihanraya mendapat maklumat daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan bahawa pemilih yang berkenaan telah mati atau dipenjarakan atau ditahan di Rumah Sakit Otak dan sebagainya. Perkara ini telah juga saya sentuh apabila saya mengulas teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput tadi.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat supaya semua orang yang layak menjadi pemilih didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, ini adalah suatu perkara mustahil dilaksanakan oleh kerana:

- (a) Suruhanjaya tidak boleh mengetahui mana-mana warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun dan berkekelayakan untuk menjadi pemilih.
- (b) Suruhanjaya mesti mencari dan menemui mereka ini untuk didaftarkan sedangkan Suruhanjaya tidak tahu di mana mereka berada, melainkan dengan menemui dan menyoal tiap-tiap penduduk dalam negeri. Ini adalah mustahil boleh dilakukan.

(c) Jika mereka dijumpai sekalipun, yang berkenaan masih boleh menyatakan keengganan mereka untuk mendaftar sebagai pemilih kerana Suruhanjaya Pilihanraya tidak mempunyai kuasa untuk memaksa mereka mendaftar. Oleh kerana negara kita mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi maka jika mereka diwajibkan mendaftar (dan kemudiannya mengundi) ini adalah melanggar prinsip-prinsip demokrasi yang diamalkan sekarang.

(d) Dalam keadaan-keadaan yang dipaksa sekalipun seperti mendapatkan kad pengenalan "the onus is on the individual person concerned and not on the Registration Department." Dengan perkataan lain kecuali mereka yang berkenaan membuat permohonan, Jabatan Pendaftaran Negara tidak akan mengeluarkan kad pengenalan kepada mereka. Oleh itu adalah tidak menasabah mendaftar tiap-tiap warganegara yang berkekelayakan sebagai pemilih.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menegur tentang tambahan yang begitu besar di bawah Pecahan-kepala 1200—Pendaftaran Tahunan dan Penyemakan Daftar Pemilih. Di sini ingin saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada ucapan dasar saya ketika membentangkan Rang Undang-undang Belanjawan Suruhanjaya Pilihanraya di mana saya telah menegaskan iaitu tambahan ini adalah berikutan dengan penjenisan semula (re-coding) bayaran elaun kakitangan pendaftaran yang dahulunya dipertanggungkan di bawah Pecahan-kepala 2800—Pelbagai Perkhidmatan.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat supaya Suruhanjaya Pilihanraya senantiasa bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan Penerangan mengenai soal pendaftaran, sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan itu, malah Suruhanjaya Pilihanraya juga bekerjasama dengan Jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Penyiaran dan Kementerian Perhubungan untuk memastikan bahawa publisiti yang seluas-luasnya diberi kepada orang ramai semasa tempoh pendaftaran dan penyemakan daftar-daftar pemilih diadakan.

Tentang kakitangan pendaftaran dan juga sistem pendaftaran yang ada sekarang dan mencadangkan supaya sistem pendaftaran dari rumah ke rumah yang diamalkan sebelum tahun ini diteruskan. Dalam hal ini, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada ulasan saya terhadap perkara ini apabila mengulas teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput kerana tujuan melawat dari rumah ke rumah itu ialah untuk menyemak daftar-daftar pemilih dan bukannya untuk mendaftar pemilih-pemilih baru.

Saya suka mengucapkan terima kasih atas keyakinan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor terhadap rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan pada amnya dan Urusetia Perpaduan Negara khasnya ke arah penyampaian perpaduan negara. Berkenaan dengan jamuan muhibbah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak teringat Urusetia Perpaduan Negara mengadakan jamuan-jamuan seperti itu hanya untuk taukeh-taukeh dan orang besar sahaja. Sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu ialah jamuan yang diadakan selepas berlakunya peristiwa 13hb Mei, 1969, sukaiah saya menjelaskan bahawa jamuan itu bukanlah dihadkan kepada taukeh-taukeh dan orang-orang besar atau orang-orang kaya sahaja bahkan dijemput semua golongan masyarakat yang berbilang kaum. Walau bagaimanapun, saya sukacita menyatakan di sini bahawa jamuan-jamuan seperti itu sudah lama diberhentikan kerana adalah dirasakan ianya tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Urusetia diadakan bagi tiap-tiap daerah di Malaysia bagi mengiatkan lagi usaha Perpaduan Negara, saya suka memberitahu bahawa pihak Urusetia Perpaduan Negara berpendapat ini tidak perlu diwujudkan pada ketika ini, kerana di peringkat daerah sudah terdapat Jawatankuasa Muhibbah yang dipengerusikan sendiri oleh D.O. (Pegawai Daerah). Sungguhpun kebanyakan darinya tidak begitu aktif sekarang ini, pihak Urusetia boleh menggunakan perkhidmatan jawatankuasa itu jika diperlukan bila-bila masa. Selain daripada itu Urusetia Perpaduan Negara telah menubuhkan Majlis Perhubungan Masyarakat di lapan buah bandar di mana rancangan perhubungan masyarakat

telah diperkenalkan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, adalah dirancang bahawa rancangan perhubungan masyarakat ini diperkenalkan di banyak lagi bandar-bandar dan pekan di seluruh negara. Ini bermakna Urusetia Perpaduan Negara mempunyai jentera di peringkat tempatan bagi melaksanakan rancangan-rancangan ke arah penyampaian national unity.

Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kurang mengetahui dengan jelas atau sepenuhnya aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan oleh Urusetia Perpaduan Negara. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain Urusetia Perpaduan Negara ini tidak hanya mengeluarkan penerbitan-penerbitan, tetapi juga banyak aktiviti-aktiviti yang lain yang dijalankan. Aktiviti itu termasuk antaranya memupuk perhubungan masyarakat yang lebih baik di kalangan rakyat dan di antara mereka dengan Kerajaan melalui rancangan perhubungan masyarakat.

Penyelidikan-penyelidikan bercorak policy oriented ke atas semua perkara yang berhubung dengan masalah-masalah ethnic social di dalam konteks perpaduan negara, pentadbiran dan pengurusan kelas-kelas perpaduan rakyat, rancangan-rancangan projek khas seperti lawatan sambil belajar, rancangan pertukaran murid, pesta sukan kanak-kanak, pertandingan mengarang, kunjungan muhibbah dan lain-lain lagi, dengan tujuan memupuk perhubungan yang lebih erat antara kaum dan juga mengukuhkan semangat cintakan negara. Majlis-majlis dialog secara tertutup dari masa ke semasa dengan kumpulan-kumpulan yang tertentu, penyelarasan aktiviti-aktiviti jawatankuasa muhibbah di seluruh negara dan penyiasatan ke atas aduan-aduan mengenai perhubungan kaum. Saya suka menegaskan bahawa aktiviti-aktiviti Urusetia Perpaduan Negara merupakan pembaziran wang Kerajaan. Aktiviti-aktiviti ini telah memberi kesan yang positif ke arah perpaduan negara. Walau bagaimanapun penilaian kejayaan aktiviti tersebut adalah sukar diukur kerana hasilnya tidak dapat kita lihat di dalam bentuk fizikal seperti Jabatan atau bangunan yang dibina. Nilai harga tentang penyampaian mestilah dilihat dari segi kerja yang dibuat dan rancangan-rancangan yang dianjurkan dan adalah menjadi kenyataan bahawa memenangi hati manusia atau rakyat the hearts and the minds of the

people, adalah satu usaha yang sukar dan tidak mungkin dapat dicapai dalam jangka masa yang singkat. Ini adalah bukti yang nyata bahawa usaha-usaha Urusetia Perpaduan Negara adalah tidak sia-sia sahaja dan tidak merupakan pembaziran wang, sungguhpun tidak jelas dapat dilihat kejayaannya. Suka juga saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa pengeluaran penerbitan oleh Urusetia Perpaduan Negara pun ada mempunyai kesan yang positif dan berguna juga. Tujuan mengeluarkan penerbitan seperti Balai Muhibbah dan negara dan buku-buku kecil seperti Adat Resam atau risalah-risalah lain ialah untuk memupuk persefahaman yang lebih baik di kalangan rakyat berbagai kaum dan untuk menghibahkan lagi aktiviti-aktiviti muhibbah.

Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat bahawa Urusetia Perpaduan Negara patut melayan dan menyiasat aduan-aduan mengenai perhubungan antara kaum, saya sukacita memaklumkan bahawa perpaduan negara dan Kementerian Perpaduan Negara sebelumnya sejak tahun 1970 lagi telahpun mengadakan penyiasatan ini dan kita telah dapat kejayaan menyelesaikan beberapa aduan mengenai perhubungan kaum.

Ahli Yang Berhormat dari Parit mungkin telah mengetahui bahawa dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah mengemukakan rancangannya untuk menyusun semula struktur hak milik modal saham di dalam sektor syarikat. Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua telah menyatakan bahawa hingga tahun 1990 warganegara Malaysia akan memegang 70% daripada jumlah modal saham dalam sektor syarikat dengan sekurang-kurangnya 30% untuk bumiputra dan 30% diuntukkan untuk warganegara asing.

Saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan menentukan supaya matlamat pemilikan oleh bumiputra dapat dicapai menjelang tahun 1990 dengan adanya pertumbuhan ekonomi yang pesat dan dengan bertambah tingginya peringkat pendapatan bumiputra dan dengan berkembangnya kegiatan pelaburan oleh badan-badan seperti MARA, PERNAS, SEDC dan UDA, kami berasa sangat yakin bahawa matlamat pemilikan sebanyak 30% oleh bumiputra ini akan dapat dicapai. Saya sukacita juga memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penyediaan Rancangan

Malaysia Ketiga adalah dengan sepenuhnya diusaha dan dirancang oleh ahli-ahli ekonomi yang terdapat di dalam negara ini sendiri. Ahli-ahli ekonomi dalam negeri adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah menerima latihan dalam segi ekonomi dan teknik perancang serta pengalaman yang telah diperolehi dalam menyediakan beberapa rancangan yang telah lalu. Pegawai-pegawai tersebut adalah terdiri daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan di beberapa agensi seperti Bahagian Perancang Ekonomi, Perbendaharaan, (Treasury), Bank Negara dan lain-lain lagi dan pegawai-pegawai ini adalah benar-benar faham dengan keadaan dan iklim ekonomi negara kita.

Pakar-pakar ekonomi luar negeri yang ada digunakan adalah ditugaskan hanya untuk menjalankan satu-satu kajian atau penyelidikan berhubung dengan satu aspect atau masalah ekonomi yang mana penyelesaian harus didapatkan. Pendapat-pendapat atau rumusan-rumusan yang diperolehi daripada kajian-kajian itu adalah ditimbangkan dengan halus oleh pegawai-pegawai Kerajaan kita sebelum diterima untuk kegunaan dalam bidang perancang atau perlaksanaan. Oleh itu maka bolehlah dikatakan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan adalah sepenuhnya bertanggungjawab dalam menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Untuk menjawab gesaan Yang Berhormat dari Ulu Nerus mengenai Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedar dan akan memberi perhatian yang berat dan positif atas semua projek-projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Lembaga itu. Perancangan-perancangan sedang disusun dan yang viable akan dilaksanakan mengikut jadualnya. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum kajian induk yang akan digunakan oleh Lembaga untuk memandu pembangunan kawasan ini telahpun disiapkan pada awal tahun 1975. Pada tahun 1976 kajian rekabentuk dan kajian kejuruteraan untuk melaksanakan projek-projek yang telah disyorkan akan dijalankan. Kerja-kerja ini akan memakan masa dan oleh sebab ini pada awalnya pembangunan di kawasan ini akan berjalan dengan kurang pesatnya namun demikian pembangunan akan berjalan dengan lancarnya selepas kerja-kerja asas itu dapat disediakan.

Satu masalah yang telah dibangkitkan berkenaan dengan rumah-rumah Kerajaan yang buruk di Wilayah Persekutuan. Saya sukacita mengatakan pada dasarnya Kerajaan tidak lagi bertanggungjawab memperuntukkan rumah kediaman kepada kakitangan Kerajaan. Prinsip ini terkandung dalam Lapuran Suruhanjaya Gaji Suffian yang mana telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun rumah biasa Kerajaan Persekutuan yang ada sekarang masih diuntukkan pada pegawai-pegawai Kerajaan. Sebilangan dari rumah-rumah ini telah lama dibina dan usaha menyelenggarakan dijalankan dari masa ke semasa. Walaupun Kerajaan bukan lagi bertanggungjawab mengadakan rumah kediaman kepada kakitangan Kerajaan di Kuala Lumpur ini, keputusan telahpun dibuat untuk membina rumah-rumah pangsa bagi mereka memandangkan kepada tingginya sewa rumah di Kuala Lumpur jika dibandingkan dengan bandar-bandar lain.

Berkenaan dengan Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan, perkara perbuatan maksiat dan bersekedudukan telahpun ditimbulkan. Masalah perbuatan maksiat yang dijalankan oleh orang-orang Islam boleh diambil tindakan oleh Majlis Ugama Islam Negeri-negeri kerana tiap-tiap negeri sudah ada undang-undang yang cukup berkenaan dengan hal ini. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Majlis Ugama Islam Negeri-negeri yang berkenaan untuk mengambil tindakan masing-masing. Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan baru sahaja mendapat 3 orang pegawai penyiasat untuk menjalankan tugas-tugas berkenaan dengan masalah maksiat dan bersekedudukan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Mengenai perkara undang-undang bersekedudukan, perkara ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara baru-baru ini dan undang-undang pentadbiran Islam tidak dapat melibatkan orang-orang yang bukan Islam.

Berkenaan dengan masalah ugama sesat pula, Pusat Penyelidikan Islam sedang menjalankan penyiasatan mengenai hal ini dengan bantuan Majlis Ugama Islam Negeri. Saya suka memaklumkan bahawa Majlis

Ugama Islam Wilayah Persekutuan telah mendapat tapak tanah untuk perkuburan seluas 5 ekar di Jalan Cheras. I hope the Honourable Member takes note of it—the proposed site! Dan pihak-pihak Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan sedang berusaha untuk mendapatkan tanah yang lebih besar lagi untuk tujuan perkuburan.

Berkenaan dengan Yayasan Tabung Pembangunan Ekonomi Islam tidaklah betul hanya pada tiap-tiap hari raya atau pada bulan puasa sahaja kita mengutip derma untuk tabung ini. Walau bagaimanapun pada setakat ini telah terkumpul lebih kurang \$600,000. Pihak Yayasan sedang mengaturkan program bagaimana kutipan boleh dijalankan dengan secara lebih baik lagi. Buku penjelasannya telahpun diedarkan pada orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah membangkitkan berkenaan dengan pesara yang masih lagi menduduki rumah Kerajaan yang terdapat pada hari ini seramai 36 orang. Pihak Peguam Negara telah memberi notis to quit, notis untuk mereka pindah terhadap 20 orang daripada 36 orang ini dan tindakan sedang diambil terhadap 16 orang yang lain. Sebelum tindakan diambil, Kerajaan mengkaji dengan teliti tiap-tiap kes supaya pesara-pesara tidak menghadapi sebarang kesulitan. Sebilangan pesara-pesara, misalnya mereka yang belum lagi menerima wang ganjaran mereka diberi kebenaran untuk menduduki rumah Kerajaan.

Saya rasa itulah sahaja untuk saya menjawabnya dan apa yang saya tidak jawab, kami telah dapat nota-nota dan segala perkara itu akan diambil perhatian untuk menjadi panduan sewaktu hendak melaksanakan dasar Kerajaan. Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$6,526,300 untuk Kepala B. 1; \$154,000 untuk Kepala B. 2; \$5,952,200 untuk Kepala B. 3; \$2,572,800 untuk Kepala B. 4; \$1,860,000 untuk Kepala B. 5; \$135,100 untuk Kepala B. 6; \$662,430 untuk Kepala B. 7; \$41,874,300 untuk Kepala B. 8; \$95,501,200 untuk Kepala B. 9; \$8,854,700 untuk Kepala B. 10; \$652,000 untuk Kepala B. 11 dan \$1,231,000 untuk Kepala B. 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual;

dan wang sebanyak \$124,006,200 untuk Kepala P. 8 dan \$1,980,000 untuk Kepala P. 10 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi untuk mengemukakan perbelanjaan biasa dan belanja mengurus di bawah Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi.

Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 (jadual)—

5.43 ptg.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya:

- (a) wang sebanyak \$853,200 di bawah Kepala B. 13;
- (b) wang sebanyak \$11,752,500 di bawah Kepala B. 14; dan
- (c) wang sebanyak \$922,200 di bawah Kepala B. 15.

dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang Perbekalan ini.

Peruntukan Kewangan \$13,527,900 yang diminta bagi keseluruhan Kementerian ini untuk tahun 1976 menunjukkan pertambahan sebanyak \$841,000 atau lebih kurang 7% berbanding dengan jumlah perbelanjaan \$12,686,900 yang diluluskan bagi tahun 1975.

Jika Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian renung kembali, Kementerian saya baru sahaja meningkat setahun. Di dalam pembentangan Anggaran Belanjawan untuk 1975 dalam bulan Disember tahun lalu saya telah mengambil kesempatan tersebut menghurai-kan peranan dan bidang tugas Kementerian baru ini. Tambahan pula dalam ucapan penggulungan di dalam membentangkan Belanjawan Tambahan untuk 1974 dan 1975 untuk Kementerian ini di dalam bulan Julai tahun ini, saya telah memberitahu Dewan berkenaan dengan tugas-tugas perancangan dan yang kini sedang dijalankan oleh Kementerian ini. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk menghabiskan masa Dewan ini dengan menghuraikan lebih lanjut tentang peranan

dan tugas-tugas Kementerian, kecuali untuk membuat pemerhatian yang umum berdasarkan prestasi sebenar bagi tahun ini dari atur-cara aktiviti untuk tahun hadapan. Beberapa kajian yang dijalankan oleh Kementerian ini melalui Pasukan Petugas yang berbentuk inter-agency merangkum masaalah nasional yang melibatkan kebolehan beberapa Kementerian telah dapat membawa kebaikan dalam hal punca keterangan untuk menggubal dasar terutamanya dasar sosio-ekonomi dan telah dapat memperkuatkan kebolehan Kerajaan di dalam menghadapi masaalah nasional. Bentuk dan keanggotaan Pasukan Petugas telah dapat menyelaraskan berbagai Kementerian yang berkaitan dengan dasar sosio-ekonomi. Kementerian ini juga telah memberikan penumpuan terhadap pembangunan khasnya di bidang sosio-ekonomi. Se jauh mana yang telah diperhatikan dari masa kesemasa Kementerian ini telah diminta mengkaji perjalanan pelaksanaan dan perakuan di dalam lapuran yang disedia dan dipengerusikan oleh Kementerian ini. Ini telah membolehkan pengawasan yang berkesan di dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Biro Pengaduan Awam yang merupakan sebahagian daripada Kementerian ini terus memberi maklum balas yang berguna kepada Kerajaan dan di samping itu membantu Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masaalah-masaalah yang dibangkitkan oleh pengadu. Saya sukacita menjelaskan kepada Dewan bahawa Biro ini telah dapat penuh kerjasama dari Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menjalankan tugasnya.

Satu petunjuk yang membuktikan "Rational" penubuhan Biro ini ialah dengan bertambahnya surat penghargaan dari orang ramai yang telah mendapat faedah dari akibat pelaksanaan aduan mereka dengan sepuasnya. Maklumbalas yang diberi oleh Biro Pengaduan Awam telah membolehkan Kerajaan meneliti masaalah yang menimpa orang ramai baik di dalam bandar ataupun di luar bandar.

Sekarang saya ingin menyentuh Kepala B. 14 Jabatan Perangkaan.

Jabatan Perangkaan memerlukan perbekalan sebanyak \$11,752,500 bagi tahun 1976 merupakan tambahan sebanyak \$890,000 berbanding dengan peruntukan yang diluluskan

bagi tahun 1975. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Gaji dan Upahan	...	\$ 7,676,690
Lain-lain Perbelanjaan		
Perkhidmatan		\$ 4,075,810
JUMLAH	...	<u>\$11,752,500</u>

Jabatan Perangkaan sebagai satu agensi perangkaan pusat, adalah bertanggungjawab bagi memungut, menyusun, mentafsirkan dan menerbitkan semua maklumat perangkaan yang diperlukan oleh Kerajaan dan sektor swasta untuk tujuan perancangan, pengawasan dan membuat keputusan. Selain daripada itu, Jabatan ini terus memberi sokongan kepada Kementerian-kementerian, Jabatan jabatan dan lain-lain agensi di dalam penggunaan dan pentafsiran data dan perangkaan yang diperlukan untuk membuat dasar.

Dalam menyelenggarakan tanggungjawab-tanggungjawab itu, Jabatan ini terus mengadakan dialog-dialog yang berterusan dengan agensi-agensi tersebut. Pada ketika ini terdapat beberapa yunit perangkaan di dalam berbagai agensi Kerajaan yang menyelaras-kan kegiatan-kegiatan mereka dengan Jabatan ini. Jabatan ini seterusnya menyediakan sokongan bantuan teknikal secara berterusan kepada yunit-yunit tersebut. Dalam menghadapi perkara ini, satu perkhidmatan gunasama bagi Pegawai-pegawai Perangkawan telah diwujudkan. Jabatan ini juga memainkan satu peranan yang penting bagi menyusul dan mengikuti perkembangan-perkembangan ekonomi dan bagi menasihati Kerajaan mengenai kedudukan ekonomi semasa.

Program Kerja Jabatan Bagi Tahun 1976

Jabatan ini akan terus terlibat secara aktif dalam penyediaan data perangkaan dalam bidang yang luas, terutamanya di dalam konteks pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Ianya akan menyelaras semula program kerjanya bagi menghadapi keperluan-keperluan Kerajaan dan sektor swasta yang sentiasa berubah-ubah. Satu usaha mengulang-kaji yang baru sahaja selesai berhubung dengan organisasi dan bentuk fungsi-fungsi Jabatan ini telah dapat mengesan keperluan bagi mendapatkan keterangan-keterangan yang lebih segera di dalam beberapa bidang. Terutamanya, timbul keperluan-

keperluan bagi siri-siri ekonomi-semasa untuk membolehkan tugas "monitoring" yang lebih halus mengenai keadaan ekonomi telah ditandakan. Petunjuk-petunjuk yang membayangkan kegiatan perniagaan dan unsur-unsur pelaburan perlu dibaiki dan dimajukan selanjutnya. Kerja-kerja baru-baru ini bagi mengujudkan satu rangka petunjuk sosio-ekonomi yang memperlihatkan mutu kehidupan (quality of life) di dalam negara ini akan juga dipastikan dan siri-siri yang sedia akan diperluaskan lagi bidangnya. Kegiatan ini akan diusahakan sebagai satu asas keutamaan.

Jabatan ini juga akan terus memperluaskan siri-siri perakaunan (series national account) sehingga menerbitkan jadual-jadual input/output yang lebih lengkap. Jadual-jadual tersebut akan diperbaiki bagi kegunaan perancangan. Dengan kerjasama agensi-agensi yang lain, usaha penyediaan satu model ekonometric mengenai keadaan ekonomi akan dicuba.

Di samping berusaha terus menyediakan perangkaan pengeluaran mengenai getah, kelapa sawit, teh, kelapa, perlombongan, quarrying, pembinaan dan perkilangan. Jabatan ini juga akan menerbitkan keputusan-keputusan yang dicapai dari kajian satu-satu tahun mengenai pekerjaan dan pendapatan. Satu angkatanunjuk (index) bagi gaji dan pendapatan akan disediakan dalam tahun 1976. Jabatan ini juga, melalui kajian tenaga kerjanya, akan terus menyusul dan mengikuti kedudukan pekerjaan di dalam negeri ini secara menyeluruh. Pengutipan maklumat mengenai harga-harga runcit bagi mengikuti pergerakan harga di dalam negeri ini akan juga diteruskan. Usaha ke arah menyediakan satu angkatanunjuk harga pengguna yang baru berasaskan kepada kajian perbelanjaan isi rumah 1973/74 akan selesai di hujung tahun 1976 nanti. Angkatanunjuk harga pengeluaran akan juga diselesaikan pada akhir tahun 1976. Jabatan ini juga akan terus mendapatkan data berhubung dengan penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Satu analisa ke atas data pendapatan yang diperolehi melalui kajian pendapatan isi rumah 1973/74 akan disiapkan pada hujung tahun 1976. Ini akan membolehkan

kajian-kajian secara mendalam dilakukan berhubung dengan soal kemiskinan. Kajian-kajian ini dapat dikaitkan kelak dengan rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan oleh Kerajaan yang akan menjadi tumpuan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Memandangkan bahawa kemiskinan merupakan satu masalaah yang utama menjejaskan sektor pertanian, keterangan yang lengkap berkaitan dengan sektor pertanian perlu disediakan. Dalam tahun 1976, Jabatan ini akan berusaha secara berunding dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk menyediakan kerja-kerja persiapan bagi menjalankan banci pertanian (agricultural census) yang dijadual dilaksanakan dalam tahun 1977.

Dalam bentuk kerjasama dengan ahli-ahli akademik dari universiti-universiti di Malaysia dan agensi-agensi antarabangsa, Jabatan ini juga akan mengusahakan satu analisa yang teliti ke atas data yang telah dikumpul melalui berbagai-bagai kajian yang telah dilakukan. Analisa seperti itu akan meliputi perangkaan-perangkaan mengenai tenaga buruh, pendapatan dan juga perangkaan perbelanjaan.

Bagi melaksanakan tugas-tugas sebegitu besar, Jabatan ini akan memperhebatkan keupayaan bahagian memproses data dengan menambah peralatan komputer. Ianya juga menggantikan peralatan "tabulating" dan "assorting equipment" yang telah "lapuk" di Sabah dan di Sarawak dengan peralatan yang lebih moden. Dengan perubahan-perubahan ini maka dapatlah Jabatan ini mengusahakan penyatuan data perangkaan bagi Semenanjung Malaysia dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Kita mestilah menyediakan perangkaan yang lebih "consistent" dan "comprehensive" bagi seluruh negara. Usaha-usaha akan juga dibuat untuk melatih lebih ramai kakitangan professional Jabatan itu melalui satu rancangan latihan yang "comprehensive". Ini akan membolehkan Pegawai-pegawai Jabatan itu dihantar ke seberang laut bagi mendapatkan latihan dalam teknik perangkaan yang lebih tinggi. Sumber-sumber kewangan bagi rancangan seperti itu akan dicari dari agensi-agensi bantuan antarabangsa.

Saya juga telah mengambil perhatian bahawa semasa perbahasan atas Rang Undang-undang Belanjawan baru-baru ini,

Ahli Yang Berhormat dari Kanowit telah membuat rujukan dalam ucapan beliau mengenai kekurangan data perangkaan bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, terutamanya berhubung dengan data pembahagian pendapatan (distribution of income). Secara tidak langsung beliau membayangkan bahawa adalah perlu diusahakan persediaan siri-siri perangkaan yang comprehensive berhubung dengan kedua-dua negeri tersebut. Sukalah saya mengambil kesempatan ini memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai data perangkaan yang sudahpun disediakan oleh Jabatan Perangkaan berhubung dengan Negeri Sabah dan Sarawak. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Jabatan ini telah menyediakan siri-siri perangkaan yang luas berkaitan dengan prestasi ekonomi di kedua-dua negeri tersebut. Selain dari data perdagangan, kajian meliputi bidang perkilangan, pembinaan, perusahaan perkhidmatan, keadaan harga dan tenaga kerja telah juga dilakukan secara regular. Pada masa yang sama, data berdasarkan kepada banci penduduk 1970 sedia kedadatan sejak beberapa lama bagi tujuan perancangan.

Berhubung dengan Jabatan Perangkaan, Jabatan ini telah menjalankan "Income Expenditure Survey" meliputi pusat-pusat perbandaran di kedua-dua negeri dalam tahun 1967 dan 1968 dan berikutan itu dua lapuran yang berkaitan telahpun dikemukakan. Dalam tahun 1973/74, kajian yang mendalam mengenai "Income Expenditure Survey" telah dijalankan meliputi kawasan-kawasan perbandaran yang penting di kedua-dua buah negeri. Kajian ini sekarang dalam peringkat penyediaan (processing) dan analisa dan seterusnya keputusan-keputusan daripada kajian itu dijangka akan siap pada tahun hadapan.

Di Sabah dan Sarawak terdapat sedikit kesulitan bagi melancarkan kajian banci "Rural Household" disebabkan penduduknya yang bertaburan. Telah diperhatikan bahawa memandangkan kegiatan-kegiatan tradisional yang bercorak "subsistence" di kawasan-kawasan desa di kedua-dua buah negeri ini dan juga dalam konteks kajian yang terhad berhubung dengan maklumat dan perangkaan yang terdapat sekarang, maka adalah sukar untuk mendapatkan data-data berhubung dengan pendapatan penduduk-penduduk tersebut. Walau bagaimanapun, Jabatan ini

sedang berusaha untuk menujudkan kaedah-kaedah dan cara-cara (techniques and procedures) untuk mengutip maklumat.

Kepala B. 15—Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia

Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia berkehendakkan kelulusan belanjawan berjumlah \$922,200 iaitu \$571,800 adalah untuk pentadbiran am, sejumlah \$188,920 untuk kegiatan seminar dan \$151,480 untuk membayar belanja kegiatan-kegiatan penyelidikan. Harus diingat bahawa peruntukan bagi 1976 adalah \$56,400 kurang daripada peruntukan 1975. Langkah berjimat cermat telah menyebabkan kekurangan ini, tetapi walaupun demikian setiap langkah akan diambil bagi memastikan kegiatan-kegiatan tugas pusat ini tidak terjejas. Sebenarnya, walaupun dengan potongan di dalam keseluruhan peruntukan Pusat ini, belanjawan untuk seminar dan aktiviti-aktiviti penyelidikan sebenarnya telah bertambah berbanding dengan peruntukan 1975.

Aktiviti-aktiviti bahagian seminar boleh dibahagikan kepada dua katigori:

- (i) Menganjurkan seminar sejajar dengan aturcara kerja bahagian ini dengan memberi tenaga kerja atau nasihat kepada Kementerian-kementerian dan badan-badan berkanun.
- (ii) Menganjurkan lawatan sambil belajar untuk pegawai daripada seberang laut terutamanya dari negara-negara yang sedang membangun yang ingin mengkaji cara-cara dan teknik pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang dan juga struktur jentera pelaksanaan Kerajaan Malaysia.

Sejak tahun 1975 Pusat ini telahpun menganjurkan sejumlah 15 seminar di seluruh negara dengan kerjasama rapat Kementerian-kementerian di peringkat Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Universiti-universiti dan sektor swasta. Hasil daripada seminar-seminar tersebut, laporan-laporan telah disediakan berserta dengan rumusan-rumusan dan perakuan bagi pertimbangan Kerajaan. Laporan-laporan ini telah memberi maklumbalas yang berharga dan berguna terutama sekali dari aspek pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan Rancangan Malaysia Kedua. Pada tahun hadapan Rancangan Malaysia Ketiga akan

dilancarkan dan satu daripada objektif yang akan dicapai oleh seminar-seminar itu ialah untuk menerangkan dan mendapat sokongan daripada semua sektor dan daripada semua peringkat masyarakat bagi melaksanakan secara berkesan rancangan-rancangan dan projek yang diperuntukan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam hubungan ini harus diperhatikan bahawa adalah menjadi satu amalan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia untuk menganjurkan seminar-seminar bukan hanya di peringkat Negeri tetapi juga di peringkat Daerah dan Mukim. Sebagai Pusat Penyelidikan yang bercorak "multi-disciplinary" bahagian penyelidikan akan terus menjalankan kegiatan-kegiatan penyelidikan yang meliputi berbagai-bagai segi dasar Kerajaan dan pembangunan terutamanya di dalam bidang sosio-ekonomi. Kajian Peringkat Pertama mengenai "Orientasi Nilai Penduduk Luar Bandar" terhadap perubahan di Semenanjung Malaysia ini yang telah bermula pada tahun lepas telahpun disiapkan dan projek ini dijangka akan selesai seluruhnya pada tahun hadapan bila kajian peringkat kedua akan juga siap untuk penerbitan.

Bahagian penyelidikan telahpun selesai menjalankan kajian (Village Profile) meliputi 15 kampung di Semenanjung Malaysia. Banyak maklumat telah diperolehi untuk menggubal dasar-dasar berhubung dengan masalah yang dialami oleh penduduk-penduduk kampung. Pada tahun 1976 kajian "Village Profile" akan diluaskan supaya meliputi sebahagian besar kampung-kampung, termasuk Kampung-kampung Baru dan kampung-kampung di Negeri Sabah dan Sarawak.

Saya juga ingin menyentuh kajian awal terhadap penduduk-penduduk desa di Sarawak yang telahpun selesai dijalankan sebagai satu contoh peranan dan bidang-tugas bahagian penyelidikan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia dalam menjalankan kajiannya. Dengan kerjasama rapat Kerajaan Negeri Sarawak (khususnya Muzium Negeri Sarawak) dan Universiti Malaya sejumlah 1,492 "respondent" ataupun pihak-pihak yang ditemuduga telahpun dijumpa termasuk 584 kaum Iban di Bahagian Kedua dan Ketiga, 367 orang Melayu di Bahagian Pertama, 173 kaum Melanau di Bahagian Ketiga, 100 kaum Kelabit di Bahagian Keempat dan 268

kaum Bidayau di Bahagian Pertama, Sarawak. Kajian ini telah memberi maklumat yang berguna untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga khususnya untuk memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk desa di Negeri Sarawak.

Dari butir-butir yang disebutkan tadi Kementerian ini telahpun dapat mengambil "approach" yang integrated di dalam perancangan dan penyelidikan sosio-ekonomi serta menggunakan sepenuhnya kemudahan penyelidikan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia dan Jabatan Perangkaan. Tugas-tugas yang dijalankan pada 1975 dan rancangan untuk 1976 akan memperhebatkan usaha-usaha Kerajaan untuk membolehkan semua lapisan masyarakat menikmati hasil pembangunan negara ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

6.04 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Kepala B. 13 mengenai Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang mendapat peruntukan sebanyak \$853,200 mengikut Anggaran Tahun 1976 yang dibentangkan di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Pengerusi, mengikut Buku Anggaran Belanjawan, tujuan utama Kementerian ini adalah untuk menjalankan kajian dan penyelidikan secara mendalam serta perancangan mengenai perkara-perkara yang penting dalam rangka perspektif kepentingan nasional yang luas ianya akan membolehkan Kerajaan membuat pandangan yang menyeluruh mengenai Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan serta membuat penilaian yang objektif mengenai perkara-perkara tertentu yang timbul dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya juga minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Sudah bagus dan lancar dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Lee Lam Thye: Tetapi saya akan cuba.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Tuan Lee Lam Thye: (Dengan izin) Mr. Chairman, Sir, in view of the extreme importance which my Party attaches to this Ministry, we are greatly perturbed to note the very shabby allocation for this Ministry which has been entrusted with such heavy responsibilities. The allocation of \$853,200 for 1976 which is just only \$7,400 more than 1975 is highly insufficient for this Ministry to carry out its task efficiently. The \$7,400 increase is not even enough to pay for the annual salary increase of the Ministry's staff, not to talk of the socio-economic programmes the Ministry can evolve.

Mr Chairman, Sir, this Ministry was set up in September, 1974 and it is now more than one year old. I would like to ask the Honourable Minister to state how many socio-economic research programmes have been carried out till to-date and on what subject. I hope the Honourable Minister will give an answer to this House together with details so that the taxpayers will know how successful this Ministry is in formulating policies to tackle the multifarious socio-economic problems besetting our nation.

Mr. Chairman, to the best of my knowledge, this Ministry has till to-date not been effective in really being able to formulate concrete measures to deal with our many socio-economic problems. Of course, one of the reasons for its ineffectiveness is due, as I said earlier, to the shabby treatment it receives in terms of Budget allocations. It is our view that if this Ministry is ever going to serve its purpose, then its allocations should be increased into more meaningful proportion to enable them to carry out their socio-economic programmes more effectively.

Tuan Pengerusi, negara kita pada hari ini menghadapi berbagai-bagai masaalah socio-ekonomi yang mana satu analisa secara detail hendaklah dibuat untuk menentukan sebab-sebabnya sebelum langkah-langkah diambil untuk mengatasinya. Masaalah seperti setingan-setingan, perumahan, penaja-penaja, pengangguran dan jenayah adalah sebahagian daripada masaalah-masaalah socio-ekonomi yang dihadapi oleh bandar Kuala Lumpur pada hari ini. Mengenai perkara ini kami berasa kesal bahawa sehingga pada masa sekarang

Kementerian ini tidak ada menjalankan kajian dan penyelidikan yang intensif atas masalah tersebut dengan tujuan merangka dasar-dasar baru untuk dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, setinggi-setinggi yang mengandungi 25% bilangan penduduk-penduduk di dalam Wilayah Persekutuan adalah merupakan satu masalah sosio-ekonomi yang serious yang dihadapi oleh pentadbiran Bandaraya.

Mr. Chairman, as I said earlier, in view of the fact that the squatters make up about 25% of the total population of Wilayah Persekutuan, I feel that this is a very serious socio-economic problem which must be given due consideration by the Ministry concerned. Judging from the way squatters in the Federal Territory are evicted and resettled by the Pentadbiran Wilayah, it would appear that the Government had not carried out any serious socio-economic study into the plight of these squatters for if such a study had been carried out, then a more humane solution would have been found to tackle this problem. I say this, Tuan Pengerusi, because the authorities concerned appear to be only interested in resettling existing squatters in low-cost flats as alternative accommodation but without showing any concern about the livelihood of the squatters concerned. It cannot be denied, Tuan Pengerusi, that there are many existing squatter settlements in the Federal Territory where the squatters concerned have to depend on land for a livelihood.

Tuan Pengerusi: I think it is more appropriate for you to bring this subject under another Ministry.

Tuan Lee Lam Thye: Yes, Tuan Pengerusi, but in view of the fact that the squatter problem is also associated . . .

Tuan Pengerusi: Yes, you can always mix it up, but as I said, it is more appropriate to bring this up under another Ministry.

Tuan Lee Lam Thye: Anyway, I would like to be very brief on this. As I said earlier, if there had been a serious socio-economic study being carried out, then

steps could have been taken to solve the squatter problem in accordance with the needs and requirements of these squatters. For example, those who would like to be given low-cost flats should be given low-cost flats and those who would like to obtain land should be given land.

Tuan Pengerusi: But that does not come under this Ministry. You can bring this subject up under the Estimates of another Ministry which will be discussed later.

Tuan Lee Lam Thye: Ya, Tuan Pengerusi, masalah sosio-ekonomi yang lain yang berkaitan dengan masalah ini ialah perumahan dan saya juga harap bahawa Kementerian ini akan membuat satu kajian tentang actual housing needs of the people supaya langkah-langkah dapat diambil untuk membantu orang yang berkenaan supaya masalah perumahan mereka dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini juga patut membuat satu kajian mengenai masalah penaja-penaja di Kuala Lumpur dan merekomendasikan cara-cara yang lebih sesuai yang dapat diambil oleh Kementerian yang berkenaan supaya lebih banyak tempat-tempat yang sesuai dapat diperuntukkan untuk hawkers untuk mencari livelihood.

Mr Chairman, Sir, as unemployment in our country now stands at about 7% of the total population, this problem of unemployment poses another serious socio-economic problem which requires this Ministry concerned to do a research and to find ways whereby the various Ministries can co-ordinate and help to minimise this problem. As unemployment is also one of the primary causes of the high incidence of crime rates in our country, we would suggest that this Ministry should act on this problem speedily.

Mr Chairman, Sir, these are some of the urgent and pressing socio-economic problems that I have in mind. There are also others, of course. But if these problems could be tackled with a sense of priority and urgency then it would go a long way in bringing about political stability in our country, for it must be remembered that whether or not we are going to have political stability will largely depend on how we are going to tackle the multi farious socio-economic problems which are besetting this country.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya, saya juga menyentuh sedikit berkenaan dengan Biro Pengaduan Awam yang ditubuhkan di bawah Kementerian ini. Mr Chairman, Sir, during last year's Budget debate, I raised the point that the Public Complaints Bureau should be adequately staffed if it is to cope effectively with complaints from the public. However, I note with regret that till today the Bureau has not been provided with sufficient staff to cope with the increasing workload. Right now the Bureau is only headed by a Director with three Assistant Secretaries, one Executive Officer, two Clerks, one Stenographer and one Typist. With the increasing daily workload, such a small staff can hardly cope effectively with the public and very often, Mr Chairman, Sir, this has given rise to complaints from the public as to why the Bureau is unable to deal speedily with complaints from the public. We would like to seriously suggest to the Government to rectify this situation by taking steps to provide additional staff to the Public Complaints Bureau and make it truly effective in dealing with public grievances. Public complaints today, Mr Chairman, Sir, are rampant in regard to administrative injustices pertaining to the various Departments and it is, therefore, imperative that this Biro Pengaduan Awam be well equipped to deal promptly and speedily with whatever complaints there are from the public.

Finally, I would like to touch very briefly on one more point that I have in mind. As I said at the outset of my speech, we in the D.A.P. regard this Ministry as a very important one in consideration of the vital task it has to perform in evolving realistic and pragmatic socio-economic policies

Tuan Pengerusi: Which Sub-head are you talking about?

Tuan Lee Lam Thye: Berkenaan dengan Kementerian ini di bawah Kepala B. 13

Tuan Pengerusi: Tetapi Sub-head atau Pecahan-kepala berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Perkara ini ialah berkenaan dengan

Tuan Pengerusi: Jangan merayu-rayau bercakap.

Tuan Lee Lam Thye: Mr Chairman, Sir, I would be very brief. I am about to conclude.

Tuan Pengerusi: You have not been brief. You have dealt too much on the same subject.

Tuan Lee Lam Thye: I am just trying to talk about the allocation for this Ministry.

Tuan Pengerusi: I know it is in respect of this Ministry. We are now in Committee and which Subhead are you talking about?

Tuan Lee Lam Thye: Well, I am talking on the subject of socio-economic research.

Tuan Pengerusi: I didn't say "subject". I said "which sub-head".

Tuan Lee Lam Thye: The sub-head is

Tuan Pengerusi: You should know which sub-head you are talking about.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pecahan-kepala 1100 mengenai Pentadbiran Am (General Administration).

Tuan Pengerusi: Kepala berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Muka surat 79. Kepala B. 13, Pecahan-kepala 1100.

Tuan Pengerusi: Sekarang boleh bercakap.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih, Tuan Pengerusi. As I said, in view of the fact that this is a very important Ministry, we feel that it must be provided with proper leadership and guidance. What is, therefore, needed is someone who is prepared to devote full time and energy to head this Ministry. With due respect to the Honourable Minister, we feel that right now a full-time Minister is required to head this Ministry because at the moment, the Honourable Minister also happens to be the Minister of Information and Special Functions and as such he may not have sufficient time or enough time to deal with the affairs of this Ministry. It is, therefore, our earnest hope that the Government would consider to give this Ministry its fullest attention by having a full-time Minister to head this Ministry.

Tuan Pengerusi: He may have the physical and mental strength to look after both the Ministries.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

6.19 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, yang pertama saya minta izin berucap dalam Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Bahasa Kebangsaan tidak payah minta izin.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong bekalan sebanyak \$13,527,900 kepada Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi.

Tuan Pengerusi, saya dapat tahu daripada peruntukan ini pada tahun akan datang, 1976, kita akan belanja lebih kurang \$11,752,500 untuk Jabatan Perangkaan sahaja bagi tahun akan datang dalam Kepala B. 14.

(Dengan izin) I would say that we have a very effective Statistics Department in our country. Our Statistics Department maintains all the required statistics needed for the progress of our country. Proper statistics would enable the Government to regulate the Government machinery from time to time.

Tuan Pengerusi, my observation is specially on the statistics of employment. Although the Department keeps up-to-date statistics on population, industrial and other matters, till today I do not know whether the Statistics Department maintains statistics on the employment ratio in accordance with the racial composition of the country. Considering the social and economic backwardness of certain communities we have established the Ministry to look into and to establish ways and means of creating an equal society among the various races that exist in our country. Till to-date, Tuan Pengerusi, we have not maintained any statistics on the employ-

ment to match the racial composition of this country and thereby creating a situation where any employment ratio is not followed up.

Tuan Pengerusi, most of these industries and other employers in this country have neglected certain races from employment. This record is to be maintained by the Statistics Department and it should be borne in mind that to have a proper economic upliftment in our country that all races must be given opportunities in accordance with their racial composition. I hope the Statistics Department would maintain such a record so that in future at least the Government would be able to see whether the employers are maintaining the composition that is needed in our country.

Tuan Pengerusi, in most of the industries in and around the major towns where employment ratio is concerned, opportunity is given to certain races but opportunity is not given to certain other races. I am sure, Tuan Pengerusi, it might be said that this is part of the Labour Department's problem, but still the Labour Department needs the statistics as to what is the capacity of the employment in each of the factories according to the racial composition. We are trying to maintain a balance between the "haves" and the "have-nots", to provide them employment and other statistics but when we check into the factories properly we could find that employment is not given to certain races, especially I would say to Bumiputras, which we could assess even today or a year later. In many employment facilities employment is not given to Bumiputras in major industries in and around the major cities, say, for instance Petaling Jaya, Kuala Lumpur and other places. Who is to maintain that record? I think the record must be maintained by the Statistics Department and the Statistics Department must maintain a record and report this to the Labour Department so that we would be able to ask the employers to employ workers in accordance with the racial statistics.

The other thing, Tuan Pengerusi, the badly affected community is the Indian community, especially the Malaysian Indians. If you go around looking for the statistics of employment in factories, you could find a sweeper who is an Indian, a scavenger who is an Indian and a driver who is an Indian in a factory which has got employment of more than 500/600 people. Why should this social injustice be meted out to one particular community in this country? Who is going to take care of this? I am sure it must be the work of the Statistics Department to maintain the record and to report to the Labour Department and the Labour Department should subsequently take action against such employers who do not keep in touch with the Government policy.

Tuan Pengerusi, if this is looked after carefully, I hope that in future all the races in this country would live up to the required social economy and upliftment and I hope the Statistics Department would give its due consideration to implement and maintain a record of the employment ratio in this country.

6.26 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam membincangkan beberapa perkara yang ada di bawah Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15.

Sesudah saya mendengar penerangan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan sesudah saya meneliti tujuan-tujuan yang diterangkan di dalam Anggaran Belanjawan, 1976 yang ada tercatat di muka 105, maka saya berpendapat bahawa sebab-sebab dan fasal-fasal Kementerian yang berkenaan memerlukan hanya \$13,527,900 adalah kerana adanya pula beberapa yunit yang menjalankan kerja-kerja yang sama yang ada di Kementerian-kementerian lain yang boleh memberi bahan-bahan atau butir-butir sebagai bantuan kepada Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-ekonomi, Perangkaan dan Pengajian

Pembangunan Malaysia. Dengan sebab itu, saya tidaklah hendak soal mengapa maka peruntukan hanya berjumlah \$13.5 juta sahaja diperlukan atau diluluskan kepada Menteri yang berkenaan. Apa yang saya suka menyebutkan di sini ialah saya menganggap bahawa Bahagian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Perangkaan dan Pengajian Pembangunan Malaysia adalah di antara bahagian-bahagian yang menjalankan peranan yang penting merencanakan dasar ekonomi negara kita. Saya anggap bahawa bahagian-bahagian tersebut adalah nadi (nerve centre) di mana pakar-pakar ekonomi negara kita mengkaji dasar-dasar Kerajaan untuk disesuaikan dengan keadaan negara.

Tuan Pengerusi, menyebut berkenaan dengan dasar-dasar, saya suka menyentuh di sini bahawa dasar-dasar jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun merupakan peraturan-peraturan (procedures) yang dirangka sebelum kita mencipta Dasar Ekonomi Baru ataupun menjalankan Dasar Ekonomi Baru. Dengan itu kebanyakan daripada dasar-dasar yang didapati sekarang tidak lagi sesuai dengan keadaan pembangunan negara kita. Saya menyentuh perkara ini, kerana pada pendapat saya kajian untuk meninjau sejauh manakah General Orders atau Financial General Orders yang ada kita gunakan sekarang ini sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru; patut sangat bahagian-bahagian yang saya sebutkan tadi menyelidiki dan jikalau tidak didapati sesuai dihapuskan dan diubah dengan peraturan-peraturan, yang baharu yang boleh disesuaikan dengan keadaan sekarang.

Saya mengatakan bahawa Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Pengajian Pembangunan Malaysia sangat penting di dalam menentukan kejayaan Rancangan Malaysia kita. Saya bawa di sini contoh-contoh economic planning yang dirancang oleh satu bahagian lain iaitu National Development Planning Committee dan juga oleh Economic Planning Unit di

bawah Rancangan Malaysia Pertama, 1966 dan 1970. N.D.P.C dengan E.P.U. sebagai urusetianya bertanggungjawab untuk formulation, implementation, progress, evaluation dan development plan negara kita. Pendek kata, badan inilah yang merancangkan dasar-dasar Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan sekarang ini yang Ketiga.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat hendak bercakap?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Panjang lagi.

Tuan Pengerusi: Boleh sambung esok. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas selesai Kementerian ini,

Majlis akan menimbangkan pula Kepala Perbekalan B. 40 hingga B. 42 dan Anggaran Pembangunan P. 40 hingga P. 42 di bawah Kementerian Penerangan. Yang Berhormat Menteri telah meminta kebenaran dan saya setuju selepas daripada Kementerian ini diluluskan esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Rabu, 26hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.31 petang.